# REFLEKSI

Tinta Akademia

Bil: 02/2024




eISSN 3036-0307

**Professor Dato’ Dr. Mohd Fo’ad Sakdan**

**Nota kepada penyumbang artikel:**

Penulis yang berminat untuk menghantar karya bolehlah menyumbangkan artikel dalam mana-mana kolum yang disediakan merangkumi:

- rencana bebas
- karya terjemahan
- genre penulisan sastera

Setiap penulisan hendaklah mengikut garis panduan seperti yang berikut:

- Penulisan berbentuk separa ilmiah
- Penulisan adalah dalam Bahasa Melayu
- Penulisan dalam Bahasa Inggeris turut dialu-alukan dan akan dimasukkan dalam satu kolum khas
- Jumlah halaman: Dua (2) halaman dan tidak lebih daripada enam (6) halaman
- Jarak baris: Langkau 1.0,
- *justified allignment*
- Jenis dan saiz fon: Times New Roman(12) atau Arial (11)

Jabatan Bahasa & Pengajian Umum
Fakulti Perniagaan & Komunikasi
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

**SIDANG REFLEKSI**

**DEKAN FAKULTI**
Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah
*Dekan Fakulti Perniagaan & Komunikasi*

**KETUA JABATAN**
Prof. Madya Dr. Shuharimi Abdullah
*Ketua Jabatan, Jabatan Bahasa & Pengajian Umum*

| | | |
|---|---|---|
| **Ketua Editor** | : | Muhammad Bazli Mahmood |
| **Editor** | : | Mohamad Zaki Abdul Halim<br>Pn. Marzura Mat Ari<br>Dr. Noor Asliza Abdul Rahim<br>Khairul Hisham Jamalludin<br>Dr. Nor Hafizan Habib Sultan<br>Pn. Niswa Noralina Abdullah<br>Zuhairah Idrus<br>Dr. Noriha Basir<br>Siti Balkis MKM Mohamed Ibrahim<br>Nurul Syazwani Zulkifli |
| **Editor Grafik** | : | Mohd Azrizal Mohd Salleh |

**REFLEKSI BIL.01/2023**

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian penerbitan ini boleh dicipta semula, diubah suai, disimpan,diedarkan atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan format sama ada melalui elektronik, fotokopi,teknikal, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan, Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK).

Refleksi bagi awal terbitannya adalah pada tahun ini yang diterbitkan secara tahunan (Bilangan 2, 2024) dengan tema Tinta Akademia terbitan JBPU, FPK. Sidang redaksi majalah berhak menyunting tulisanyang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkanpendapat Refleksi atau Jabatan Bahasa & Pengajian Umum.

Segala sumbangan yang dikirimkan kepada JBPU haruslah bebas daripada sebarang isu hak cipta atauplagiat dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang isu yang terkait dengannya.Karya yang dikirimkan sama ada disiarkan ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Jika karya tidakdisiarkan dalam tempoh tahun terbitan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akandisiarkan atau akan dibawa ke terbitan seterusnya. Sidang redaksi tidak bertanggungjawab ataskehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui mana-mana saluran selain yang diuar-uarkan oleh sidang redaksi sendiri.

# SIDANG EDITOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kepada Allah SWT atas limpah kurnia-Nya yang membolehkan keluaran terkini majalah Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis ini dapat diterbitkan. Sebagai medium ilmu dan maklumat, majalah ini berfungsi bukan sahaja untuk merakamkan aktiviti dan pencapaian jabatan tetapi juga sebagai wadah perkongsian pandangan serta aspirasi untuk masa hadapan.

Sebagai pendidik, kita semua sedar akan peranan besar yang perlu dimainkan dalam membentuk generasi masa depan. Di tengah-tengah arus perubahan global yang pesat, pendidik perlu melengkapkan diri dengan kemahiran abad ke-21, memperkasakan pemikiran kritis, kreativiti, komunikasi, dan kolaborasi dalam kalangan pelajar. Cabaran masa kini seperti transformasi digital, ketidakstabilan ekonomi, serta perubahan iklim menuntut kita untuk lebih bersedia dan proaktif. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) perlu diteruskan dengan pendekatan yang inovatif dan relevan, selari dengan keperluan semasa.

Dalam mendepani cabaran ini, gagasan Malaysia MADANI menjadi panduan yang signifikan. Falsafah ini yang menekankan nilai-nilai teras seperti kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan mampu menyemai budaya ilmu yang berintegriti dan inklusif dalam kalangan pendidik serta pelajar. Melalui pemahaman dan pelaksanaan nilai MADANI dalam proses P&P, kita dapat melahirkan individu yang bukan sahaja cemerlang secara akademik tetapi juga mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi.

Pada masa yang sama, kolaborasi antara pendidik, pelajar, dan pihak berkepentingan lain perlu diperkukuhkan. Pendekatan holistik ini membolehkan penglibatan semua pihak untuk bersama-sama mendokong aspirasi pendidikan negara, sekali gus memastikan kesinambungan kecemerlangan dalam membentuk masyarakat berilmu dan beradab.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada penerbitan majalah ini. Semoga majalah ini terus menjadi sumber inspirasi dan panduan kepada semua. Bersama-sama, kita mampu mendepani cabaran dan merealisasikan visi pendidikan untuk negara yang lebih gemilang.

Sekian, terima kasih.

**Muhammad Bazli bin Mahmood**
*Ketua Editor Majalah Refleksi*

# Kandungan


## Kolum Karyawan

Professor Dato' Dr. Mohd Fo'ad Sakdan

## Kolum Rencana

MENGENALI ANCAMAN SIBER: APA YANG PERLU ANDA TAHU UNTUK KEKAL SELAMAT DALAM TALIAN
14

ADAKAH MAKANAN SEJUK BEKU KUNCI KEPADA GAYA HIDUP YANG LEBIH SIHAT?
16

CUEPAC CARE: PERLINDUNGAN KESIHATAN UNTUK KELUARGA
18

SIGNIFIKASI KEMAHIRAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL DALAM MEMPERKUKUH HUBUNGAN KELUARGA
20

"WARISAN TEMUAN: MEMAHAMI TRADISI, ADAT DAN KEHIDUPAN KOMUNITI ASLI DI MALAYSIA"
26

FOTOGRAFI: ANTARA SENI DAN IBADAH
31

KEPENTINGAN DAN CARA MENARIK MINAT BUKAN PENUTUR JATI MEMPELAJARI BAHASA MANDARIN
34

AN INCOGNITO TAB IN CHROME IS MONSTROUS: UNMASKING THE ILLUSION OF PRIVACY
40

PREPARING HIGHER EDUCATION STUDENTS WITH SKILLS FOR THE FUTURE
43

PREPARING HIGHER EDUCATION STUDENTS WITH SKILLS FOR THE FUTURE
46

FROM PERLIS TO SWEDEN: A REFRESHING EXCHANGE
48

"MORE THAN JUST PLAY: EXPLORING STEM WITH LEGO®"
50

FAST FASHION: TODAY'S TREND, TOMORROW'S TRASH
52

## Kolum Sastera

AKU SEORANG PENDIDIK
54

PANTUN ADAB
55

CINTA YANG BERSAKSI
56

PANTUN 'PASANG PELITA'
57

## Kolum Bintang

PENYELIDIKAN
59

ANUGERAH SERI GEMILANG 2023
61

# Kandungan

## Kolum Resensi dan Pustaka

HIMPUNAN TEKNIK DAN TEORI DALAM CBT
67

KESEDIAAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA
68

BUKU SIRI SUSASTERA, BAHASA DAN BUDAYA NUSANTARA (SUTERA): NARATIF KELESTARIAN BUDAYA ALAM MELAYU
69

## Kolum Terjemahan

KOLUM TERJEMAHAN
71

## Kolum Lensa JBPU

KOLUM LENSA JBPU
72

# Kolum Karyawan




Kolum karyawan kali ini menampilkan seorang tokoh akademik yang tidak asing dalam pembangunan hal ehwal pelajar di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Beliau mula menumpahkan khidmatnya di UniMAP pada 15 April 2013 sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) hingga 2 April 2023. Sepuluh tahun di UniMAP dengan pengalaman bertugas di bawah kepimpinan empat orang Naib Canselor, sudah semestinya beliau telah melalui pelbagai kenangan di sepanjang dasawarsa pengalaman.

Menurut beliau, cabaran paling getir yang pernah dilalui selama menggalas tugas sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang pertama di UniMAP ialah semasa pandemik COVID-19 melanda negara. Berbekalkan ilmu pengurusan konflik yang menjadi kepakaran beliau, permasalahan tersebut dapat diatasi dengan berhati-hati sehingga reda dan selamat. Pengalaman kali pertama mengurus pandemik tersebut tanpa sebarang prosedur operasi standard (SOP) sebagai rujukan (dunia sendiri mengalami permasalahan yang sama untuk kali yang pertama), benar-benar mencabar kredibiliti beliau dalam mengurus kebajikan pelajar yang berada di kampus ketika itu. Tindakan awal (pertama) yang diambil oleh beliau sebagai persediaan awal bagi memutuskan rantaian COVID-19 adalah dengan menghantar pulang para pelajar yang berada di kampus ke kediaman masing-masing sebelum pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan ketika itu. Keputusan yang diambil ini ialah keputusan awal UniMAP yang mendahului institusi lain dan amat signifikan terhadap gejala COVID-19 yang mampu merebak secara pantas dalam lingkungan yang ramai. Sekitar 1500 orang pelajar sahaja yang masih dibenarkan berada di dalam kampus sepanjang tempoh PKP sehingga diberikan kelonggaran oleh kerajaan untuk dibenarkan pulang. Akhirnya, sekitar 400 orang pelajar sahaja kekal di dalam kampus terutamnya dari negeri Sabah dan Sarawak serta negara luar yang kehidupan (pergerakan, makan dan minum) mereka ditadbir urus oleh pihak universiti terutamanya Jabatan Hal Ewal Pelajar. Sepanjang tempoh yang mencabar itu, beliau telah membuktikan kreadibilitinya dalam menguruskan konflik yang tidak pernah wujud sebelum ini. Katanya, hikmah pandemik ini telah mengeratkan hubungan antara pelajar dan staf dengan pihak pentadbir universiti melalui semangat kekitaan yang padu.

Beliau berpandangan bahawa daripada pandemik COVID-19 yang berlalu itu, amatlah penting untuk masyarakat memahami tentang asas pengurusan konflik terutamanya bagi pentadbir organisasi. Hal ini penting kerana konflik yang timbul dapat diatasi mengikut cara tertentu dengan kesesuaian terhadap jenis konflik tersebut. Memerihalkan contoh diri sendiri, beliau mengatakan bahawa pengalaman mengurus pelajar dan organisasi di universiti bermula sejak kali pertama menjawat jawatan sebagai pensyarah di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 1992. Sejak itu beliau berkhidmat sebagai Pengetua Kolej Kediaman UUM (selama sepuluh tahun), Timbalan Dekan (Akademik) di Sekolah Pembangunan Sosial UUM, Pengerusi Majlis Pengetua Kolej Kediaman UUM (6 tahun) dan sehinggalah sebagai Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM. Pada tahun 2004 beliau terbang ke luar negara untuk melanjutkan pengajiannya pada peringkat doktor falsafah dalam bidang pengurusan konflik (organisasi) di University of Hull. Mengimbau latar belakang pendidikannya pula, beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Politik) dan Ijazah Sarjana (M.A) dalam bidang "political economy" daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 2007, beliau kembali ke UUM dan berkhidmat sebagai Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi selama tujuh tahun. Pengalaman luas beliau dalam mengurus hal ehwal pelajar telah mewarnai perjalanan kerjaya beliau sebagai ahli akademik apatah lagi kini mentadbir sebuah universiti sebagai Naib Canselor UUM. Ketika ditanya tentang prospek kepentingan bidang pengurusan konflik, pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa pandemik COVID-19 dan nasihat kepada para pelajar universiti era ini, beliau mengungkapkannya sebagai:

*"Seseorang pentadbir (barisan kepimpinan) mestilah memiliki pengetahuan asas tentang pengurusan konflik untuk mengendalikan sesebuah organisasi dengan setidak-tidaknnya mengetahui empat peringkat konflik bagi mengenal pasti kaedah atau tatacara penyelesaian konflik/masalah yang bersesuaian. Pengetahuan asas ini banyak membantu untuk mengurus hal-hal berkaitan pelajar sekali gus melicinkan pentadbiran sesebuah universiti."*

*"Satu elemen yang positif semasa berhadapan dengan pandemik COVID-19, telah wujud satu paradigma yang baharu terutamanya terhadap kaedah PdP secara maya berbanding konvensional (fizikal). Dalam tempoh dua tahun pandemik, scenario itu merupakan makmal latihan kepada kita untuk mengendalikan kelas dan mesyuarat secara dalam talian. Hal ini telah memudahkan PdP apabila kita berhadapan dengan musibah lain seperti banjir. Hal ini merupakan faedah yang berganda kepada dunia akademik."*

*"Pelajar-pelajar yang melalui PdP secara dalam talian sepenuhnya pada masa pandemik COVID-19, timbul cabaran terhadap proses pembinaan tahap kematangan pelajar kerana PdP secara dalam talian sepenuhnya dapat melambatkan proses ini kerana pelibatan pelajar sangat terhad untuk berhujah dan berfikir. Selain itu, pembinaan karakter pelajar sangat penting untuk pelajar berada secara fizikal di universiti dalam proses memantapkan watak-watak dan potensi pelajar. Ketiga pula tentang interaksi para pelajar dan pensyarah yang sepatutnya dibina di kampus apabila mereka dapat membina hubungan secara bersama-sama dengan pelbagai aktiviti dan program kampus. Sekiranya tertalu bertumpu kepada kaedah dalam talian sahaja, ketiga-tiga elemen ini dibimbangi sukar untuk digilap dan dijelmakan dalam bentuk kebolehpasaran graduan terhadap realiti alam pekerjaan.*

Tentang masa depan pendidikan tinggi negara pula, beliau menggambarkan masa depan Universiti Awam untuk tempoh sepuluh tahun ke hadapan sudah pun wujud persaingan yang kuat dengan institusi pendidikan tinggi swasta terutamanya dalam kaedah PdP dan teknologi. Universiti pada hari ini untuk tempoh itu nanti berkemungkinan tidak lagi memerlukan universiti yang berada di suatu tempat (kampus) untuk beroperasi berikutan pengaruh teknologi dan perkembangan terkini dalam bidang teknologi maklumat (IT). Selain itu, kesediaan graduan masa ini terhadap pasaran industri, beliau menekankan tentang aspek "soft skill" dan "art skill" sebagai nilai tambah terutamanya mestilah memiliki sijil-sijil profesional yang mengkhusus dalam bidang masing-masing. Sebagai contoh, setiap pelajar di UUM diwajibkan memiliki satu sijil profesional untuk kesediaan dalam dunia pekerjaan. Dengan sifat sentiasa senyum dan tenang, beliau sangat mudah didampingi oleh pelajar dan kakitangan universiti. Khidmat dan jasanya terhadap dunia akademik negara telah meletakkan beliau di kelasnya yang tersendiri sebagai seorang professor malah dihargai dengan pengurniaan Darjah Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Dato'. Semoga insan bernama Mohd Fo'ad bin Sakdan ini terus cemerlang pada masa hadapan dalam apa jua bidang yang diceburi. Kolum ini diakhiri dengan moto salam "Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan" serta salam "Ilmu, Budi, Bakti" yang semestinya amat dekat di hati beliau.


















# Kolum Rencana



# MENGENALI ANCAMAN SIBER: APA YANG PERLU ANDA TAHU UNTUK KEKAL SELAMAT DALAM TALIAN

*Oleh : Mohd Noorulfakhri bin Yaacob & Mariam binti Idris*

Dalam dunia yang semakin bergantung kepada teknologi dan internet, ancaman siber kini menjadi isu yang tidak boleh dipandang ringan. Setiap hari, kita berhadapan dengan pelbagai jenis ancaman yang berpotensi merosakkan data, menyebabkan kerugian kewangan, dan mengancam privasi kita. Mari kita lihat dengan lebih dekat jenis-jenis ancaman siber yang kerap mengancam dan bagaimana cara mengenalinya serta langkah-langkah berkesan yang boleh kita ambil untuk melindungi diri kita dalam dunia digital yang penuh cabaran ini.

Virus dan Malware

Bayangkan komputer anda adalah seperti sebuah rumah yang selesa dan selamat. Namun, ada musuh yang ingin memecah masuk! Virus adalah program perisian yang direka untuk merosakkan atau mengganggu sistem komputer anda, seperti pencuri yang merosakkan harta benda. Di samping itu, kita juga mempunyai malware, atau perisian hasad, yang merupakan istilah payung untuk pelbagai jenis perisian berbahaya. Ini termasuk trojan, worm, dan ransomware. Ransomware, khususnya, adalah salah satu ancaman yang paling menakutkan yang berfungsi seperti penculik yang menyekat akses kepada fail-fail penting anda dan meminta tebusan untuk memulihkannya. Jadi, penting untuk anda sentiasa berwaspada dan melindungi 'Rumah Digital' anda daripada ancaman ini!

Phishing

Phishing adalah satu teknik penipuan yang digunakan oleh penyerang untuk mencuri maklumat peribadi anda, seperti nama pengguna, kata laluan, dan maklumat kad kredit. Bayangkan anda sedang duduk di 'Rumah Digital' anda yang selamat, tiba-tiba ada orang yang mengetuk pintu dan berpura-pura menjadi jiran yang baik. Mereka mungkin menawarkan tawaran menarik, tetapi sebenarnya mereka hanya ingin masuk dan mencuri barang berharga anda! Penyerang biasanya menggunakan e-mel atau laman web palsu yang nampak sangat sah, sehingga sukar untuk kita bezakan. Mereka mungkin menghantar e-mel yang kelihatan seperti datang dari bank anda, meminta anda mengesahkan maklumat akaun. Jika anda terpedaya dan memberikan maklumat anda, anda mungkin membuka pintu kepada pencuri siber yang akan merosakkan 'Rumah Digital' anda. Jadi, sentiasalah berhati-hati! Pastikan untuk memeriksa setiap mesej yang anda terima dan jangan mudah terpedaya dengan tawaran yang terlalu baik untuk menjadi kenyataan. Lindungi 'Rumah Digital' anda dengan mengunci pintu dan tingkap, iaitu dengan tidak memberikan maklumat peribadi kepada sesiapa yang tidak dikenali!

Social Engineering

Social engineering adalah satu teknik yang digunakan oleh penyerang untuk mendapatkan maklumat sensitif dengan cara yang lebih halus. Berbeza dengan phishing yang biasanya menggunakan e-mel atau laman web palsu, social engineering melibatkan manipulasi psikologi. Bayangkan ada seseorang yang berpura-pura menjadi rakan atau wakil dari organisasi yang anda percayai, seperti bank atau syarikat utiliti. Mereka mungkin menghubungi anda melalui telefon atau secara peribadi, dan cuba mempengaruhi anda untuk memberikan maklumat peribadi. Dalam konteks rumah digital yang selamat, social engineering boleh diibaratkan seperti seorang penipu yang berpura-pura menjadi jiran baik yang ingin membantu, tetapi sebenarnya mereka mempunyai niat jahat. Mereka mungkin bertanya tentang sistem keselamatan rumah anda atau meminta maklumat yang kelihatan tidak berbahaya, tetapi akhirnya, mereka akan menggunakan maklumat itu untuk merosakkan rumah digital anda.

Jadi, penting untuk sentiasa berwaspada! Jangan mudah percaya kepada orang yang tidak dikenali, walaupun mereka nampak mesra.

Cara Mengenali Ancaman Siber

E-mel Mencurigakan:

Hati-hati dengan e-mel yang meminta maklumat peribadi! Jika anda menerima e-mel yang meminta anda mengisi maklumat seperti nama pengguna atau kata laluan, atau jika ada pautan yang tidak dikenali, curigalah! Sebelum mengklik pautan, semak alamat pengirim. Jika kelihatan pelik atau tidak dikenali, lebih baik jangan ambil risiko!

Laman Web Palsu:

Sebelum anda memasukkan maklumat peribadi, periksa URL laman web! Laman web yang sah biasanya menggunakan protokol HTTPS dan mempunyai tanda kunci di bar alamat. Jika anda melihat "HTTP" sahaja tanpa "S", itu adalah tanda amaran. Jangan mudah terpedaya dengan laman web yang nampak menarik tetapi sebenarnya palsu!

Tanda-Tanda Komputer yang Tidak Normal:

Perhatikan jika komputer anda berkelakuan pelik. Jika komuputer anda menjadi perlahan, sering terputus sambungan, atau tiba-tiba memaparkan iklan yang tidak diingini, ini mungkin petanda bahawa komputer anda dijangkiti malware. Jangan tunggu sehingga menjadi lebih teruk; ambil tindakan segera!

Permintaan Maklumat Sensitif:

Berwaspada jika anda menerima panggilan telefon atau mesej daripada orang yang meminta maklumat peribadi. Penyerang mungkin berpura-pura menjadi wakil dari bank atau organisasi lain. Ingat! organisasi yang sah tidak akan meminta maklumat sensitif melalui panggilan telefon atau mesej yang tidak rasmi. Jika meragukan, hubungi mereka secara langsung untuk mengesahkan.

Mengenali ancaman siber adalah langkah pertama yang penting untuk melindungi diri anda dalam dunia digital yang sangat berisiko. Dalam zaman serba canggih ini, di mana kita sering berinteraksi secara dalam talian, adalah sangat penting untuk kita tahu apa yang boleh membahayakan keselamatan kita. Dengan memahami jenis-jenis ancaman yang ada, seperti phishing, malware, dan social engineering, kita dapat lebih bersedia untuk menghadapi situasi yang tidak diingini.

Namun, mengenali ancaman sahaja tidak mencukupi; adalah penting juga untuk mengambil langkah-langkah pencegahan yang tepat. Ini termasuk menggunakan kata laluan yang kuat, mengemas kini perisian secara berkala, dan sentiasa berwaspada terhadap e-mel atau pautan yang mencurigakan. Dengan cara ini, anda bukan sahaja dapat mengurangkan risiko, tetapi juga dapat menikmati pengalaman dalam talian yang lebih selamat dan tenang.

Ingatlah, keselamatan siber bukanlah tanggungjawab satu pihak sahaja; sebaliknya adalah tanggungjawab bersama! Setiap individu perlu berperanan dalam melindungi maklumat peribadi mereka. Dengan berkongsi pengetahuan dan pengalaman tentang keselamatan siber, kita dapat membantu satu sama lain untuk lebih selamat berada dalam dunia digital ini. Jadi, mari kita semua berusaha untuk menjadi pengguna yang lebih bijak dan bertanggungjawab. Lindungi diri anda dan orang-orang yang anda sayangi, dan nikmati dunia digital dengan lebih yakin!

# ADAKAH MAKANAN SEJUK BEKU KUNCI KEPADA GAYA HIDUP YANG LEBIH SIHAT?

*Oleh : Sri Kandy Putri Naru Binti Abdul Hamid Naru & Shafiq Hizwari Bin Md Hashim*

Dalam era moden yang serba pantas ini, makanan sejuk beku menjadi pilihan yang popular kerana menawarkan alternatif menarik dalam membantu kita mencapai keseimbangan hidup. Dahulu, makanan ini sering dikaitkan sebagai penyelesaian cepat untuk makan malam yang tidak dirancang.Kini, persepsi tersebut telah berubah. Makanan sejuk beku kini dihargai kerana peranannya dalam menyokong gaya hidup lestari, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, terutamanya dalam aspek SDG12 (Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab) serta SDG3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik). Bagi golongan pelajar dan pekerja, makanan sejuk beku tidak hanya menawarkan kemudahan dan penjimatan kos, tetapi juga menyediakan pilihan nutrisi yang tidak disangka. Mereka boleh menikmati diet yang pelbagai dengan bahan makanan seperti beri, sayur-sayuran, dan makanan laut sepanjang tahun sambil mengurangkan pembaziran makanan dan masa.

Dalam kehidupan yang sibuk, makanan sejuk beku adalah penyelesaian yang praktis bagi pelajar yang sentiasa sibuk dengan tugasan dan peperiksaan atau golongan profesional yang perlu menyeimbangkan kerja dan kehidupan peribadi. Makanan sejuk beku dapat memudahkan kehidupan dengan menyediakan sayur-sayuran yang telah siap dipotong, campuran pes segera, dan hidangan lengkap seperti lasagna yang hanya perlu dipanaskan beberapa minit dalam gelombang mikro. Ini bukan sahja memudahkan urusan dapur, tetapi juga mengurangkan masa penyediaan dan masa memasak serta mengurangkan keperluan untuk berbelanja dengan kerap dan yang sangat berguna pada waktu peperiksaan atau minggu-minggu kerja yang padat.

Bertentangan dengan kepercayaan popular, makanan sejuk beku adalah sangat berkhasiat. Teknologi pembekuan moden seperti pembekuan pantas memelihara kandungan vitamin dan mineral dalam makanan dengan lebih baik berbanding produk segar yang mungkin sudah terlalu lama di rak-rak. Contohnya, kacang pea, pisang, dan sayur bayam dan broccolli yang dibekukan kekal kaya dengan antioksidan dan menyediakan tambahan nutrisi dalam setiap hidangan, justeru penting untuk memilih produk beku yang tepat seperti sayur-sayuran tanpa sos tambahan dan buah-buahan tanpa gula tambahan untuk mengelak penggunaan bahan tambahan yang tidak dikehendaki dan kadar sodium yang tinggi.

Penggunaan makanan sejuk beku juga menawarkan manfaat ekonomi, terutama bagi pelajar dan profesional muda yang perlu berjimat. Harga makanan yang dibekukan, terutama yang dibeli secara pukal, boleh mengurangkan kos perbelanjaan. Strawberi beku misalnya lebih murah berbanding yang segar, menjadikannya tambahan yang berpatutan untuk sarapan atau smoothies. Ini bukan sahaja menjimatkan wang tetapi juga memastikan penggunaan produk secara maksimum dengan pembaziran yang minimum.

Pilihan untuk menggunakan makanan sejuk beku juga dapat membantu pemeliharaan alam sekitar. Penggunaan produk beku secara bijak dapat mengurangkan pembaziran makanan, yang merupakan masalah besar dalam sistem makanan global. Kemampuan untuk menggunakan hanya apa yang diperlukan dan menyimpan selebihnya bukan sahaja mengurangkan jumlah makanan yang dibuang tetapi juga mengurangkan pelepasan gas metana dari sampah yang busuk. Walaupun terdapat kebimbangan mengenai penggunaan tenaga dalam proses pembekuan dan pembungkusan makanan, memilih produk daripada syarikat yang menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan pembungkusan yang lestari dapat membantu mengurangkan kesan ini.

Kesimpulannya, makanan sejuk beku bukan sahaja memudahkan urusan dapur malah dapat mengurus waktu makan menjadi lebih efisien, menyediakan variasi makanan yang berkhasiat, menyokong usaha ke arah gaya hidup yang lebih lestari serta dapat mengurangkan kebergantungan terhadap makanan yang dibawa pulang dengan jejak ekologi yang lebih rendah.



# CUEPAC CARE: PERLINDUNGAN KESIHATAN UNTUK KELUARGA

*Oleh: Yuziana Yasin*

Kesihatan adalah nikmat yang tidak ternilai, satu aset yang paling berharga bagi setiap individu dan keluarga. Namun, dalam dunia yang penuh dengan ketidakpastian, penyakit dan kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa, dan kos rawatan perubatan yang tinggi sering kali menjadi beban yang sukar ditanggung.

Sebagai penjawat awam, saya dan suami memahami betapa pentingnya memastikan keluarga sentiasa dilindungi, bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi juga dari segi kewangan. Ini adalah sebab mengapa saya terpanggil untuk berkongsi pengalaman peribadi saya dengan Cuepac Care, sebuah program takaful penghospitalan dan pembedahan yang telah memberikan saya sekeluarga ketenangan fikiran dan perlindungan yang menyeluruh.

Baru-baru ini, dua anak saya terpaksa dimasukkan ke hospital pada masa yang sama kerana mengalami masalah pernafasan yang serius. Seorang didiagnosis dengan pneumonia dan seorang lagi didiagnosis dengan bronchitis, yang memerlukan rawatan intensif di hospital pakar swasta. Kos rawatan, termasuk penginapan selama seminggu, mencecah hampir RM20,000. Namun, kami bersyukur kerana semua kos ini ditanggung sepenuhnya oleh Cuepac Care, seterusnya memberikan saya sekeluarga kelegaan yang amat besar.

Bukan itu sahaja, tahun lalu, anak saya yang berusia sembilan tahun, secara tiba-tiba perlu menjalani pembedahan apendiks yang juga melibatkan kos yang tinggi. Tanpa kami sedari, bermula dengan sakit perut pada pagi hari dan berterusan sehingga ke petang membawa kepada pembedahan kecemasan. Dalam waktu yang singkat, Cuepac Care sekali lagi hadir sebagai penyelamat, menanggung keseluruhan kos pembedahan dan rawatan susulan. Kami berasa amat bersyukur kerana keseluruhan proses bermula dari kemasukan ke hospital hingga keluar dari wad berjalan dengan lancar, tanpa sebarang kebimbangan mengenai kos yang terlibat.

Mengapa saya sekeluarga memilih Cuepac Care walaupun sudah ada jaminan perubatan (GL) untuk penjawat awam? Walaupun GL menyediakan kemudahan rawatan di hospital kerajaan, saya berpendapat Cuepac Care memberikan pilihan yang lebih baik untuk keselesaan dan akses segera kepada pakar perubatan di hospital swasta. Dalam situasi kecemasan, seperti ketika anak saya memerlukan rawatan kecemasan, setiap saat amat berharga. Dengan Cuepac Care, saya boleh mendapatkan rawatan segera tanpa perlu menunggu lama, seterusnya dapat memastikan kesihatan keluarga terjaga pada masa yang kritikal.

Cuepac Care bukan sahaja menawarkan perlindungan yang menyeluruh, tetapi juga membawa ketenangan minda kepada saya sekeluarga. Program Takaful Penghospitalan dan Pembedahan ini telah berkhidmat kepada penjawat awam di Malaysia selama 21 tahun, dan dalam tempoh ini, lebih 500,000 penjawat awam telah menikmati manfaatnya. Sehingga kini, lebih 99,000 tuntutan telah diproses dengan nilai tuntutan melebihi RM350 juta. Hal ini menunjukkan betapa Cuepac Care komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada pelanggannya.



Salah satu kebaikan utama Cuepac Care ialah kemampuannya untuk memberi perlindungan kesihatan yang komprehensif pada kadar sumbangan yang mampu dimiliki. Dengan sumbangan bulanan yang boleh dibayar melalui potongan gaji Biro Angkasa, ramai penjawat awam dapat menyertai pelan ini tanpa perlu risau tentang bebanan kewangan. Selain itu, tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan untuk menyertai pelan ini, menjadikannya mudah dan pantas untuk disertai oleh sesiapa sahaja.

Cuepac Care juga memastikan bahawa setiap ahli keluarga, termasuk anak-anak, mendapat perlindungan sepenuhnya tanpa had bilangan anak melalui satu Pelan Keluarga. Ini sangat penting bagi keluarga besar seperti saya yang ingin memastikan setiap anak dilindungi dengan baik. Perlindungan yang diberikan meliputi kos rawatan dari pra-penghospitalan, penghospitalan, hingga rawatan susulan, termasuk rawatan di hospital swasta lebih daripada 70 panel hospital di seluruh negara.

Bagi mereka yang menghadapi kecemasan di luar waktu operasi hospital kerajaan atau memerlukan rawatan segera yang tidak boleh menunggu, Cuepac Care menyediakan akses segera kepada rawatan di hospital swasta tanpa perlu menunggu lama. Ini adalah satu kelebihan yang sangat besar, terutama sekali apabila masa menjadi faktor kritikal dalam rawatan sesuatu penyakit. Malah, program ini juga memberikan perlindungan tambahan seperti elaun tunai harian untuk rawatan di hospital kerajaan, rawatan dialisis buah pinggang, dan rawatan kanser pesakit luar, yang mana semuanya ditanggung oleh Cuepac Care.

Cuepac Care juga memberikan kemudahan kepada peserta dengan adanya Pusat Khidmat Tuntutan 24 jam yang memudahkan segala urusan tuntutan. Tidak kira di mana dan bila anda memerlukan bantuan, anda hanya perlu menghubungi pusat ini dan mereka akan membantu menguruskan segala keperluan anda, dari pengeluaran surat jaminan kemasukan ke hospital hingga proses tuntutan selepas discaj.

Sebagai seorang penjawat awam, saya berasa sangat bersyukur kerana Cuepac Care wujud sebagai pilihan alternatif yang memberikan lebih daripada sekadar perlindungan asas. Cuepac Care bukan sahaja menyediakan perlindungan kesihatan yang lebih menyeluruh dan mudah diakses, tetapi juga menambah baik kualiti hidup kami sekeluarga. Dengan segala manfaat yang diberikan, Cuepac Care telah menjadi rakan setia kami dalam menjaga kesihatan dan kesejahteraan keluarga.

Berdasarkan pengalaman saya yang telah merasai sendiri manfaatnya, saya ingin mengesyorkan Cuepac Care kepada semua penjawat awam yang ingin memastikan kesejahteraan keluarga mereka dilindungi. Jangan tunggu sehingga musibah melanda; jadilah proaktif dalam menjaga kesihatan dan keselamatan keluarga kita semua. Bak kata pepatah, sediakanlah payung sebelum hujan. Dengan Cuepac Care, kita boleh memastikan bahawa diri dan orang tersayang sentiasa terlindung, tidak kira apa jua keadaan yang mungkin berlaku. Ini adalah langkah kecil yang kita boleh ambil hari ini untuk memberi perlindungan yang besar kepada masa depan diri dan keluarga.

# SIGNIFIKASI KEMAHIRAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL DALAM MEMPERKUKUH HUBUNGAN KELUARGA

*Oleh : Nor Syafawati Mohd. Zuki & Muhammad Bazli Mahmood*

Pengenalan

Kemahiran komunikasi interpersonal merujuk kepada proses pertukaran mesej, pendapat, maklumat, idea dan emosi yang berlaku secara lisan atau bukan lisan antara dua individu atau lebih. Komunikasi ini boleh terjadi secara spontan atau formal, meliputi pelbagai aspek seperti persekitaran sosial, teknologi dan budaya. Proses ini memainkan peranan penting dalam kehidupan generasi muda masa kini, dan menjadi medium untuk berkongsi maklumat, menyampaikan idea dan mengekspresikan perasaan bagi mencapai matlamat tertentu.

Komunikasi interpersonal merupakan elemen penting dalam kehidupan harian yang berlaku dalam pelbagai konteks, termasuk keluarga, tempat kerja, pendidikan, pergaulan sosial dan penggunaan teknologi. Dalam konteks keluarga, komunikasi ini sering digunakan untuk membina hubungan yang lebih erat dan menyelesaikan masalah bersama. Sebagai contoh, seorang ibu mungkin berbincang dengan anaknya tentang jadual belajar atau tugas sekolah. Interaksi ini bukan sahaja membantu anak mengurus masa dengan lebih baik tetapi juga mengukuhkan ikatan antara mereka. Interaksi seumpama ini juga sering melibatkan perasaan empati dan sokongan, yang menjadi asas kepada keharmonian keluarga.

Di tempat kerja, komunikasi interpersonal memainkan peranan penting dalam memastikan kerjasama dan produktiviti. Sebagai contoh, seorang pekerja mungkin berbincang dengan rakan sekerjanya mengenai projek yang sedang dijalankan. Pertukaran maklumat seperti ini memastikan setiap ahli pasukan memahami tugas masing-masing dan dapat menyumbang secara efektif. Komunikasi yang jelas dan sopan di tempat kerja bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan kerja tetapi juga mewujudkan suasana kerja yang harmoni.

Dalam bidang pendidikan pula, komunikasi interpersonal antara guru dan pelajar menjadi teras kepada pembelajaran yang berkesan. Sebagai contoh, seorang pelajar yang tidak memahami konsep tertentu mungkin bertanya kepada guru, yang kemudiannya memberikan penjelasan tambahan. Interaksi ini membantu pelajar memahami pelajaran dengan lebih baik, sekali gus meningkatkan prestasi akademiknya. Hubungan positif antara guru dan pelajar juga memupuk keyakinan diri pelajar untuk berkomunikasi dan belajar.

Pergaulan sosial juga tidak terlepas daripada komunikasi interpersonal. Ketika bersama rakan, interaksi ini sering digunakan untuk bertukar pendapat atau berkongsi pengalaman. Contohnya, dua rakan mungkin berbual tentang filem terbaru yang ditonton dan berkongsi pandangan mereka. Interkasi seperti ini bukan sahaja menghiburkan tetapi juga memperkukuhkan hubungan persahabatan. Dalam era teknologi, komunikasi interpersonal semakin berkembang melalui medium digital seperti panggilan video dan aplikasi mesej. Sebagai contoh, seorang pelajar yang bekerja dalam kumpulan mungkin menggunakan aplikasi WhatsApp untuk berbincang tentang pembahagian tugasan projek. Walaupun tidak secara bersemuka, komunikasi ini tetap membantu mencapai matlamat bersama. Proses ini menunjukkan bagaimana penggunaan teknologi dapat menyokong komunikasi yang lebih efektif, sama ada untuk tujuan pembelajaran atau membina hubungan sosial yang erat.

Dalam situasi harian yang lain, seperti membeli barang di pasar raya, komunikasi interpersonal berlaku apabila pelanggan dan juruwang berinteraksi dengan penggunaan kata yang sopan, seperti bertanya tentang promosi atau harga barang, bagi memastikan pengalaman membeli-belah menyenangkan. Secara keseluruhannya, komunikasi interpersonal adalah asas kepada hubungan yang baik dalam setiap aspek kehidupan kerana komunikasi ini bukan sahaja membantu menyampaikan maklumat dan pendapat tetapi juga memainkan peranan penting dalam membina hubungan yang harmoni, efektif dan bermakna.

Hal ini menjadi aspek penting dalam membentuk individu yang berdaya tahan, bertanggungjawab, memiliki keyakinan diri, serta mengutamakan sikap positif dan empati. Perkara ini turut membantu seseorang untuk merasa lebih berharga, bersangka baik dan tidak mudah berputus asa, sekali gus menyumbang kepada pembentukan jati diri yang kukuh.

Penerapan adab dan nilai budaya dalam interaksi keluarga

Dalam konteks masyarakat yang berbilang bangsa, seperti di Malaysia, penerapan adab dan nilai budaya dalam komunikasi keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan yang harmoni. Adab merujuk kepada tingkah laku sopan yang menjadi asas kepada komunikasi yang efektif, manakala nilai budaya mencerminkan norma dan tradisi yang diwarisi oleh setiap kelompok etnik. Kedua-dua elemen ini membantu memperkukuh hubungan keluarga sambil mengekalkan identiti budaya dan menghormati kepelbagaian budaya.

Dalam keluarga, adab menjadi panduan asas dalam berinteraksi sesama ahli keluarga, khususnya dalam kalangan generasi yang berbeza. Sebagai contoh, dalam budaya Melayu, menghormati orang tua merupakan nilai yang sangat diutamakan. Ini dapat dilihat melalui amalan seperti menggunakan bahasa yang sopan, mengucapkan salam dan memberi perhatian ketika mereka berbicara. Di samping itu, dalam budaya Cina, nilai menghormati ibu bapa dan datuk nenek dikenali sebagai “xiao” yang tercermin melalui tindakan seperti melayani keperluan mereka dengan penuh keikhlasan. Begitu juga, dalam budaya India, memberi salam dengan ucapan “vanakkam” kepada ahli keluarga yang lebih tua menunjukkan penghormatan terhadap mereka.

Nilai budaya juga memainkan peranan dalam membentuk cara keluarga berkomunikasi, terutamanya dalam menangani konflik atau membuat keputusan bersama. Sebagai contoh, dalam budaya Melayu, pendekatan musyawarah atau perbincangan bersama sering digunakan untuk mencapai kata sepakat. Ini memastikan setiap ahli keluarga diberi peluang untuk bersuara, sambil mengekalkan kesopanan dan

harmoni. Dalam keluarga Cina, amalan menghormati hierarki keluarga sering membantu mengelakkan konflik, dengan setiap ahli keluarga memahami peranan masing-masing. Sementara itu, dalam keluarga India, ritual seperti makan bersama menjadi ruang untuk memperkukuh hubungan keluarga, kerana dalam situasi tersebut perbincangan dan penyelesaian masalah dapat dilakukan dalam suasana yang penuh dengan nilai kasih sayang dan hormat-menghormati.

Dalam masyarakat berbilang bangsa, adab dan nilai budaya juga membantu keluarga memahami dan menghormati perbezaan antara satu sama lain. Sebagai contoh, keluarga yang terdiri daripada pasangan berlainan bangsa mungkin menggunakan pendekatan komunikasi yang lebih inklusif, dengan menghargai elemen-elemen budaya daripada kedua-dua pihak. Sebagai ilustrasi, seorang bapa Melayu yang berkahwin dengan seorang ibu Cina mungkin mengajar anak-anak mereka untuk mengucapkan salam dalam kedua-dua bahasa dan memahami adat resam kedua-dua budaya. Ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman keluarga tetapi juga menanamkan sikap saling menghormati dalam kalangan ahli keluarga.

Penerapan adab dan nilai budaya dalam komunikasi keluarga juga penting dalam era moden yang semakin dipengaruhi oleh teknologi. Dalam masyarakat yang berbilang bangsa, keluarga perlu memastikan penggunaan teknologi tidak menghakis nilai-nilai tradisional. Sebagai contoh, walaupun ahli keluarga berkomunikasi melalui aplikasi pesanan ringkas atau media sosial, amalan seperti mengucapkan “terima kasih” dan “tolong” masih perlu diterapkan untuk menjaga adab dalam komunikasi. Di samping itu, penggunaan teknologi boleh diselaraskan dengan nilai budaya, seperti menghantar ucapan perayaan dalam bahasa ibunda kepada saudara-mara dari pelbagai latar belakang.

## Cabaran dan Halangan dalam Komunikasi Keluarga: Isu Remaja dan Penyelesaian

Komunikasi dalam keluarga merupakan elemen penting untuk membina hubungan yang harmoni, namun sering kali terhalang oleh pelbagai cabaran, khususnya apabila melibatkan remaja. Perubahan sosial, kemajuan teknologi dan jurang generasi dalam era moden sering menjadi faktor utama yang mencetuskan salah faham, kurang perhatian, serta konflik antara ibu bapa dan anak-anak. Isu-isu ini, jika tidak ditangani dengan baik, boleh membawa kepada renggangnya hubungan keluarga dan memberi kesan negatif terhadap perkembangan emosi remaja.

Salah faham dalam komunikasi adalah antara cabaran yang paling kerap berlaku dalam keluarga. Remaja sering kali merasakan ibu bapa tidak memahami perasaan atau keperluan mereka, manakala ibu bapa pula mungkin menganggap anak-anak tidak menghargai nasihat atau pandangan mereka. Sebagai contoh, seorang remaja yang ditegur kerana menghabiskan terlalu banyak masa bermain permainan video mungkin menganggap teguran itu sebagai kritikan, sedangkan niat ibu bapa adalah untuk mengingatkan mereka tentang tanggungjawab lain seperti belajar. Salah faham seperti ini sering menyebabkan remaja memilih untuk menjauhkan diri daripada perbualan dengan ibu bapa, sekali gus menjejaskan hubungan keluarga.

Bagi mengatasi masalah ini, ibu bapa perlu mengamalkan pendekatan komunikasi yang lebih terbuka dan empati, yang menekankan kepentingan mendengar dan memahami perspektif anak-anak secara mendalam. Pendekatan ini memerlukan ibu bapa memberikan ruang kepada anak-anak untuk menyuarakan pandangan mereka tanpa rasa takut akan penolakan atau kritikan. Dengan cara ini, anak-anak dapat merasakan bahawa pendapat mereka dihargai, sekali gus meningkatkan keyakinan diri dan keterbukaan dalam komunikasi. Misalnya, ibu bapa yang memberi perhatian kepada pengalaman atau pemikiran anak-anak mengenai sesuatu isu bukan sahaja dapat memahami keperluan mereka dengan lebih baik tetapi juga mengurangkan kemungkinan salah tafsir. Langkah ini membantu membentuk suasana perbincangan yang harmoni, dan kedua-dua pihak dapat berkomunikasi dengan lebih efektif serta membina hubungan yang lebih kukuh.

Pengaruh teknologi juga merupakan salah satu halangan utama dalam komunikasi keluarga masa kini. Remaja yang terlalu asyik dengan telefon pintar atau media sosial sering kali mengabaikan masa berkualiti bersama keluarga. Sebagai contoh, seorang anak yang asyik menonton video dalam talian semasa waktu makan malam bersama keluarga mungkin kurang memberi perhatian terhadap perbualan yang berlaku disekelilingnya. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan hubungan komunikasi tetapi juga menghilangkan peluang untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan. Penyelesaian kepada masalah ini adalah dengan menetapkan peraturan seperti “zon bebas teknologi” semasa waktu tertentu, seperti makan malam atau aktiviti keluarga. Selain itu, ibu bapa juga boleh menggantikan penggunaan teknologi dengan aktiviti interaktif seperti bermain permainan tradisional atau berbual santai. Pada masa yang sama, ibu bapa perlu menunjukkan teladan yang baik dengan mengurangkan penggunaan gajet mereka sendiri ketika bersama keluarga, supaya anak-anak merasa lebih dihargai dan didengari.

Konflik generasi pula sering timbul apabila ibu bapa dan remaja mempunyai pandangan yang berbeza terhadap nilai atau harapan. Sebagai contoh, ibu bapa mungkin mengharapkan anak-anak mereka lebih fokus dalam akademik, sedangkan remaja mungkin ingin menumpukan perhatian dan minat dalam muzik atau sukan. Perbezaan ini sering kali menimbulkan rasa tidak puas hati kedua-dua pihak, yang akhirnya membawa kepada ketegangan dalam hubungan keluarga. Menangani isu ini memerlukan ibu bapa berusaha mendengar dan memahami minat serta aspirasi anak-anak mereka dengan penuh empati dan keterbukaan. Contohnya, jika seorang remaja bercita-cita untuk menjadi seorang atlet, ibu bapa perlu memberikan sokongan dengan menawarkan panduan yang realistik dan membantu merancang langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat tersebut. Pendekatan ini membolehkan ibu bapa menghargai keinginan anak-anak mereka sambil memastikan nasihat yang diberikan relevan dan bermanfaat. Pada masa yang sama, remaja juga perlu dididik untuk menghormati pandangan ibu bapa serta menyampaikan aspirasi mereka dengan jelas dan penuh santun. Komunikasi yang saling memahami ini mampu membina hubungan yang lebih harmoni dan menyokong perkembangan positif anak-anak.

## Kaedah Komunikasi Interpersonal untuk Mengatasi Cabaran Komunikasi dalam Keluarga

Interaksi interpersonal menjadi asas utama dalam membina hubungan kekeluargaan yang harmoni, namun cabaran seperti salah faham, kurang perhatian dan konflik generasi sering mengganggu kelancaran komunikasi dalam keluarga. Komunikasi interpersonal yang berkesan dalam keluarga bergantung kepada elemen seperti empati, kesabaran dan kemampuan untuk mendengar serta memahami perspektif setiap ahli keluarga. Kaedah-kaedah berkesan dalam mengatasi cabaran komunikasi ini bukan sahaja membantu memperbaiki hubungan, tetapi juga menyokong pembentukan ikatan keluarga yang lebih kukuh.

Salah satu kaedah yang berkesan ialah mendengar secara aktif. Pendekatan mendengar secara aktif

menghendaki ahli keluarga memberikan perhatian sepenuhnya kepada apa yang diperkatakan, tanpa menyampuk atau membuat penilaian secara tergesa-gesa. Contohnya, apabila seorang remaja berkongsi masalah mereka, ibu bapa perlu menunjukkan perhatian melalui bahasa badan yang sesuai, seperti mengangguk atau mengekalkan hubungan mata, sambil mengelakkan gangguan seperti penggunaan telefon pintar. Tindakan ini memberi isyarat kepada anak bahawa pandangan mereka dihargai, sekali gus menggalakkan komunikasi yang lebih terbuka.

Selain itu, menggunakan bahasa yang positif dan sopan juga merupakan kaedah penting dalam komunikasi interpersonal keluarga. Bahasa yang bersifat menghormati dan penuh kasih sayang dapat mengurangkan ketegangan, terutama ketika berhadapan dengan konflik. Misalnya, daripada menegur dengan nada marah, ibu bapa boleh menggunakan pendekatan yang lebih lembut seperti menyatakan kebimbangan mereka secara konstruktif. Sebagai ilustrasi, ibu bapa dapat menyampaikan kerisauan mereka secara positif dengan menyatakan kesan yang mungkin timbul daripada tingkah laku tertentu, seperti menerangkan bagaimana penggunaan masa yang berlebihan untuk permainan video berpotensi menjejaskan prestasi akademik. Pendekatan ini lebih berkesan berbanding memberikan kritikan secara langsung, kerana dapat menggalakkan anak-anak untuk memahami sebab di sebalik kebimbangan tersebut dan mengambil tanggungjawab terhadap tindakan mereka. Tindakan ini juga mencerminkan penggunaan bahasa yang penuh empati, dapat mengurangkan konflik dan mendorong komunikasi yang lebih terbuka antara ibu bapa dan anak-anak.

Meluangkan masa berkualiti bersama tanpa gangguan teknologi, seperti menikmati makan malam atau bermain permainan tradisional, menjadi langkah efektif untuk memperbaiki komunikasi interpersonal dalam keluarga. Aktiviti sebegini memberikan peluang kepada ahli keluarga untuk berinteraksi secara semula jadi, sekali gus mengeratkan hubungan yang bermakna. Dalam suasana santai ini, ahli keluarga boleh berkongsi cerita, bertanya khabar, atau membincangkan isu dengan lebih terbuka. Amalan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman antara ahli keluarga tetapi juga membina kenangan bersama yang positif.

Melibatkan ahli keluarga dalam membuat keputusan adalah satu lagi kaedah penting yang dapat meningkatkan komunikasi interpersonal. Apabila setiap ahli keluarga diberi peluang untuk bersuara dalam isu seperti perancangan percutian atau pembelian barang rumah, mereka merasa lebih dihargai dan didengari. Pendekatan ini menggalakkan rasa tanggungjawab bersama dan mengurangkan jurang antara generasi. Misalnya, ibu bapa dapat melibatkan anak-anak dalam proses membuat keputusan dengan meminta mereka berkongsi pandangan atau cadangan mengenai sesuatu perkara, seperti merancang destinasi percutian keluarga. Pendekatan ini bukan sahaja membantu anak-anak merasa dihargai, tetapi juga mendorong mereka untuk lebih bertanggungjawab dalam keputusan yang dibuat bersama. Dengan memberi ruang kepada anak-anak untuk menyuarakan pendapat, hubungan kekeluargaan dapat diperkukuh melalui komunikasi yang saling menghormati dan terbuka.

Akhir sekali, menggunakan teknologi secara bijak boleh membantu meningkatkan komunikasi interpersonal dalam keluarga, terutamanya dalam era moden. Aplikasi seperti panggilan video atau kumpulan WhatsApp keluarga dapat digunakan untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga yang tinggal berjauhan. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi ini perlu diimbangi dengan komunikasi bersemuka untuk memastikan hubungan kekal erat dan berkesan.






Kesimpulan

Komunikasi interpersonal adalah asas penting dalam membina hubungan kekeluargaan yang harmoni, terutamanya dalam konteks masyarakat moden yang berhadapan dengan pelbagai cabaran. Melalui interaksi yang melibatkan elemen seperti empati, mendengar secara aktif dan penggunaan bahasa yang positif, keluarga dapat memperkukuh hubungan meskipun menghadapi isu seperti salah faham, konflik generasi dan pengaruh teknologi. Dalam masyarakat berbilang bangsa, adab dan nilai budaya turut memainkan peranan penting dalam mewujudkan komunikasi yang inklusif dan harmoni, memperkayakan hubungan antara ahli keluarga melalui penghormatan terhadap tradisi masing-masing.

Penerapan strategi seperti meluangkan masa berkualiti tanpa gangguan teknologi dan melibatkan semua ahli keluarga dalam membuat keputusan terbukti membantu mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Selain itu, penggunaan teknologi secara bijak dan seimbang juga dapat menyokong komunikasi interpersonal yang lebih efektif, terutamanya dalam keluarga yang tinggal berjauhan. Dengan mengamalkan kaedah-kaedah ini, keluarga dapat membentuk suasana interaksi yang lebih terbuka, saling memahami dan menyokong perkembangan positif setiap ahli keluarga. Kesimpulannya, komunikasi interpersonal yang berkesan bukan sahaja menyelesaikan konflik tetapi juga menjadi kunci utama kepada keharmonian keluarga dalam jangka panjang.

# "WARISAN TEMUAN: MEMAHAMI TRADISI, ADAT DAN KEHIDUPAN KOMUNITI ASLI DI MALAYSIA"

*Oleh : Nor Hafizan Habib Sultan*

Kaum Temuan, merupakan salah satu kumpulan Orang Asli yang mendiami Semenanjung Malaysia. Kaum Temuan merupakan komuniti yang kaya dengan tradisi dan budaya unik. Sebagai penjaga tanah dan alam semula jadi, kehidupan mereka mencerminkan hubungan harmoni dengan persekitaran, sambil mengekalkan adat resam yang diwarisi sejak turun-temurun. Warisan budaya kaum Temuan bukan sahaja mencerminkan identiti mereka sebagai komuniti pribumi tetapi juga menjadi cerminan kepelbagaian budaya yang membentuk khazanah warisan negara.

Dalam usaha mengekalkan tradisi komuniti pribumi, globalisasi dan pemodenan tidak dapat ditolak. Hal ini sekali gus menimbulkan persoalan tentang masa depan identiti kaum ini. Oleh itu, pengenalan kepada kaum Temuan ini bertujuan untuk memahami kehidupan mereka yang penuh dengan nilai-nilai murni, sistem kepercayaan yang mendalam, serta keunikan seni dan adat. Dalam usaha untuk melindungi warisan ini, penting bagi masyarakat untuk mengenali, menghormati dan menyokong kelangsungan budaya kaum Temuan, agar terus hidup dan diwariskan kepada generasi akan datang. Melalui penghayatan yang lebih mendalam terhadap warisan Temuan, kita bukan sahaja memelihara kepelbagaian budaya Malaysia tetapi juga menghargai sumbangan komuniti ini terhadap keunikan identiti negara.

Cara Hidup Kaum Temuan

Statistik populasi Orang Asli di Semenanjung Malaysia berjumlah 215,215 (Jabatan Kemajuan Orang Asli, JAKOA, 2023) dan majoriti daripadanya adalah kumpulan Proto-Melayu, iaitu kumpulan yang dikatakan mempunyai sejarah migrasi awal ke Semenanjung Malaysia. Mereka merupakan penduduk asal yang telah menghuni kawasan-kawasan pedalaman dan bukit-bukau di bahagian tengah dan selatan Semenanjung Malaysia, seperti di negeri Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, dan Melaka. Cara hidup mereka banyak bergantung kepada hasil alam semula jadi, termasuk bertani, berburu dan mengumpul hasil hutan. Mereka menanam tanaman seperti padi bukit, ubi kayu dan pelbagai jenis sayuran, manakala aktiviti berburu dan memancing dilakukan untuk memenuhi keperluan protein keluarga mereka.

Kaum Temuan juga terkenal dengan pengetahuan tradisional mereka dalam bidang perubatan herba. Mereka mempunyai cara pemikiran yang istimewa tentang alam semula jadi. Mereka percaya bahawa roh turut hidup dalam setiap pokok, tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Salah satu upacara penting yang dilakukan oleh mereka pada setiap tahun adalah mengucapkan terima kasih kepada nenek moyang agar menjaga tanah, supaya mereka selamat dan sihat. Mereka menggunakan tumbuhan hutan untuk merawat pelbagai penyakit. Kemahiran ini diwarisi turun-temurun dan menjadi sebahagian penting daripada







kehidupan mereka. Selain itu, kehidupan harian mereka sering disusun mengikut musim dan perayaan tradisional yang berkait rapat dengan alam sekitar.

Warisan Budaya dan Adat Resam

Budaya kaum Temuan merangkumi sistem kepercayaan, adat perkahwinan, upacara keagamaan, dan muzik tradisional seperti tarian Sewang yang sering dilakukan untuk tujuan penyembuhan atau memohon restu kepada roh nenek moyang. Mereka juga terkenal dengan seni kraf tangan yang unik, seperti anyaman buluh dan rotan yang mencerminkan hubungan mereka dengan alam sekitar. Adat resam mereka juga berperanan penting dalam mengekalkan perpaduan dan kesejahteraan komuniti mereka. Salah satu tradisi penting ialah upacara keagamaan seperti "Sewang", yang dilakukan sebagai tanda penghormatan kepada roh nenek moyang atau semangat alam. Misalnya di Negeri Sembilan, komuniti Temuan mengamalkan adat resam yang berkait rapat dengan kepercayaan animisme, terutama dalam upacara "sewang". Upacara ini melibatkan tarian, muzik tradisional dan persembahan herba kepada roh penjaga. Sistem kepercayaan mereka juga banyak dipengaruhi oleh animisme, mereka percaya bahawa setiap elemen alam mempunyai roh atau semangat. Perkara ini tercermin dalam adat mereka yang tidak mencemari sungai atau menebang pokok tanpa sebab yang munasabah kerana mereka percaya setiap tindakan tersebut boleh membawa bala. Kaum Temuan juga turut berperanan penting dalam pelestarian biodiversiti melalui pengetahuan tradisional tentang herba dan perubatan semula jadi. Namun, kisah seperti kehilangan tanah adat akibat pembangunan mencerminkan tekanan yang dihadapi untuk mengekalkan identiti budaya mereka.

Warisan budaya kaun Temuan juga dapat dilihat menerusi upacara perkahwinan dan struktur keluarga yang mencerminkan tradisi mereka. Perkahwinan biasanya diraikan dengan adat yang meriah, melibatkan perjanjian antara keluarga sebagai tanda keharmonian sosial sekali gus mencerminkan semangat gotong-royong yang kuat dalam kalangan mereka.

Hubungan Harmoni dengan Alam Sekitar

Kaum Temuan hidup dalam keseimbangan dengan alam sekitar, menjadikan mereka pelindung semula jadi kepada hutan dan ekosistem. Mereka memahami bahawa kelangsungan hidup mereka bergantung kepada kestabilan ekologi, justeru, mereka mengamalkan kaedah penggunaan sumber secara lestari. Amalan ini merangkumi penanaman secara berputar dan mengelakkan berburu secara berlebihan. Alam sekitar bagi mereka bukan sekadar sumber ekonomi, tetapi juga sebahagian daripada identiti spiritual mereka. Sungai, hutan dan gunung dianggap tempat suci yang harus dihormati. Tradisi seperti ini secara tidak langsung turut membantu memastikan kelangsungan biodiversiti kawasan dihuni.

Cabaran dalam Mengekalkan Identiti Budaya

Cabaran utama suku Temuan sejak dulu ialah kehilangan tanah adat akibat pembangunan, asimilasi budaya dan marginalisasi sosioekonomi. Walaupun terdapat usaha dari kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), suku Temuan masih berdepan cabaran dalam mempertahankan identiti budaya mereka di tengah arus pemodenan dan globalisasi. Pemodenan membawa banyak cabaran seperti pemindahan dari tanah adat, perubahan gaya hidup dan asimilasi budaya. Penghijrahan generasi muda khususnya ke bandar untuk mencari pekerjaan, sering menimbulkan kebimbangan terhadap warisan tradisi mereka seperti perubatan herba dan upacara keagamaan yang semakin dilupakan.



Aktiviti pembalakan, pembangunan tanah dan perindustrian juga telah mengurangkan akses mereka kepada hutan yang menjadi sumber kehidupan utama mereka. Kehilangan tanah adat bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi mereka tetapi juga menggugat kelangsungan budaya dan adat resam mereka. Bagi memastikan risiko kehilangan warisan tradisi mereka, pelbagai pihak termasuk kerajaan dan NGO termasuk peranan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa berusaha untuk melindungi hak komuniti Orang Asli Temuan agar mereka dapat mengekalkan identiti sambil menyesuaikan diri dengan perubahan zaman.

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia sememangnya unik dan menjadi satu salah antara warisan budaya unggul di Malaysia. Berdasarkan kajian Jinam et al (2017), menunjukkan bahawa masyarakat Asli di Semenanjung Tanah Melayu secara anatominya, merupakan antara manusia moden terawal yang telah meredah lautan dan tersebar di merata Asia Tenggara, sesuai dengan panggilan mereka sebagai Orang Tanah Besar Sunda. Doleh itu, dengan usaha mempelajari sejarah dan tradisi kaum Temuan, masyarakat Malaysia dapat lebih memahami dan menghayati kepentingan pelestarian budaya ini sebagai sebahagian daripada khazanah warisan negara.





# FOTOGRAFI: ANTARA SENI DAN IBADAH

*Oleh: Mariam binti Idris & Mohd Noorulfakhri bin Yaacob*

Fotografi adalah seni yang unik, digunakan untuk merakam detik berharga, menyampaikan emosi dan menghargai keindahan ciptaan Allah. Seni merupakan ekspresi kreatif manusia yang melibatkan elemen keindahan dan makna mendalam. Dalam Islam, seni bukan sahaja menjadi hiburan tetapi juga alat untuk mendekatkan diri kepada Sang Pencipta. Fotografi ialah seni merakam gambar menggunakan cahaya melalui peralatan kamera dan tidak hanya digunakan untuk dokumentasi peribadi, tetapi juga memainkan peranan besar dalam bidang dakwah dan pendidikan. Sebagai contoh, gambar keindahan alam semula jadi bukan hanya untuk dinikmati secara visual, tetapi turut menyampaikan mesej tentang kebesaran Allah kepada manusia.

Etika Mengambil Gambar dalam Islam

Sebagai seorang Muslim, terdapat beberapa etika yang perlu dipatuhi ketika mengambil gambar. Pertama, menjaga aurat dan maruah individu yang menjadi subjek fotografi adalah amat penting. Misalnya, gambar wanita berhijab harus memastikan aurat mereka dijaga dan tidak disalahgunakan. Kedua, niat dalam mengambil gambar mestilah jelas dan ikhlas. Jurugambar dilarang mengambil gambar untuk tujuan menunjuk-nunjuk atau untuk hal-hal yang negatif. Sebaliknya, fotografi seharusnya dimanfaatkan untuk mendidik, mendokumentasikan dan menginspirasikan orang lain. Ketiga, meminta izin sebelum mengambil gambar seseorang juga adalah satu bentuk adab yang perlu dijaga. Terutamanya yang melibatkan wanita, kanak-kanak atau ketika situasi yang memerlukan privasi. Keempat, Jurugambar mesti memastikan bahawa lokasi dan situasi penggambaran bebas daripada unsur haram atau maksiat. Dengan menjaga etika ini, seni fotografi dapat menjadi satu ibadah yang diterima Allah SWT.

Cabaran Fotografi dalam Konteks Islam

Walaupun fotografi mempunyai pelbagai manfaat, namun tidak terlepas daripada cabaran, terutamanya dalam memastikan hasil karya mematuhi prinsip Islam. Antara cabaran utama adalah godaan untuk menghasilkan imej yang melanggar batas agama. Sebagai contoh, ada kecenderungan untuk mengambil gambar yang mempamerkan aurat atau menampilkan elemen keterlaluan demi memenuhi tuntutan komersial. Fenomena ini sering berlaku dalam industri hiburan dan media. Dalam konteks ini, penghasilan gambar yang mencuri perhatian lebih diutamakan berbanding nilai-nilai moral yang seharusnya diutamakan. Keadaan ini berpotensi merosakkan nilai murni dalam masyarakat dan boleh menyebabkan pengabaian terhadap prinsip syarak yang sepatutnya menjadi panduan dalam fotografi.

Oleh itu, jurugambar Muslim perlu sentiasa berwaspada dan peka terhadap tanggungjawab mereka. Mereka harus memastikan hasil karya tidak hanya estetik tetapi juga sesuai dengan nilai-nilai Islam. Ini memerlukan penilaian yang teliti terhadap setiap gambar yang diambil, serta memastikan gambar tidak hanya menarik tetapi juga selaras dengan ajaran agama.

### Kesan Fotografi terhadap Pemikiran dan Jiwa Muslim

Fotografi memiliki kuasa untuk mempengaruhi pemikiran dan emosi manusia, sama ada secara positif mahupun negatif. Gambar-gambar yang menyampaikan mesej Islam, seperti kasih sayang, persaudaraan, dan keindahan ibadah, dapat memberikan inspirasi dan ketenangan kepada jiwa. Melalui visual yang menyentuh, seperti gambar ibadah di masjid atau suasana mesra antara ahli keluarga, fotografi dapat menciptakan suasana yang membangkitkan rasa syukur dan kedamaian. Gambar-gambar ini bukan sahaja menggambarkan keindahan dalam praktik keagamaan, tetapi juga menonjolkan nilai-nilai murni yang seharusnya dipelihara dalam masyarakat. Dengan demikian, fotografi dapat berfungsi sebagai medium untuk menyebarkan ajaran Islam, membangunkan kesedaran tentang kepentingan hubungan sesama manusia serta menggalakkan amalan yang baik dalam kehidupan seharian.

Sebaliknya, fotografi yang tidak berlandaskan nilai Islam boleh membawa kesan negatif. Penggambaran imej yang melanggar batas agama, seperti gambar yang mempamerkan aurat atau bersifat tidak senonoh, boleh mengakibatkan kesan buruk kepada masyarakat. Imej-imej sebegini bukan sahaja merosakkan nilai-nilai murni dan norma sosial, tetapi juga boleh mempengaruhi pemikiran dan perilaku individu, terutama generasi muda. Kesan negatif ini boleh berlarutan sehingga menimbulkan konflik dan salah faham dalam masyarakat, serta menyebabkan pengabaian terhadap ajaran agama yang sepatutnya.

### Hikmah di Sebalik Mengikut Landasan Islam

Mematuhi garis panduan Islam dalam seni fotografi mendatangkan pelbagai hikmah yang mendalam. Antaranya meningkatkan rasa syukur kepada Allah. Melalui fotografi, seorang Muslim dapat menghayati keindahan ciptaan-Nya. Contohnya, gambar landskap semula jadi atau fenomena alam. Hal ini tidak hanya menimbulkan rasa kagum, tetapi juga memperkuat keimanan kepada Allah serta membantu menjaga maruah diri dan orang lain dengan cara mengelak mengambil gambar yang memalukan atau penyalahgunaan gambar. Ini sekali gus dapat mencegah daripada melakukan dosa dan mengukuhkan hubungan sosial.

Fotografi merupakan medium dakwah yang sangat berkesan. Rakaman suasana ibadah, majlis ilmu, atau keindahan seni bina masjid mampu menyentuh hati dan membangkitkan rasa kagum terhadap agama. Melalui gambar-gambar ini, bukan sahaja mesej Islam dapat disampaikan dengan lembut, tetapi juga dapat menginspirasi orang lain untuk mendekati agama dan memahami keindahan nilai-nilai Islam.

Fotografi yang berteraskan prinsip Islam mampu memberikan manfaat jangka panjang. Setiap gambar yang dihasilkan dengan niat yang ikhlas boleh menjadi amal jariah yang berkekalan. Sebagai contoh, gambar Kaabah di Masjidil Haram bukan sahaja merakam keindahan seni bina yang agung, tetapi turut melambangkan tempat suci yang menjadi kiblat dan tumpuan umat Islam di seluruh dunia. Apabila seseorang melihat gambar tersebut, mampu mengingatkan mereka tentang kewajipan ibadah haji dan umrah serta keagungan Allah SWT. Gambar seperti ini juga berupaya menggalakkan individu untuk mendekatkan diri dengan agama, sekali gus memberikan pahala yang berterusan kepada jurugambar yang mengambilnya dengan niat yang tulus. Dalam konteks ini, fotografi bukan semata-mata suatu hasil seni visual, tetapi juga medium dakwah yang menyampaikan mesej keagamaan dan kebaikan.

Jelaslah, fotografi bukan sekadar seni, tetapi juga peluang untuk beribadah jika dilakukan dengan niat yang betul dan mengikut syariat Islam. Melalui fotografi, seorang Muslim dapat merakam keindahan ciptaan Allah, menyampaikan dakwah dan mendidik masyarakat. Dalam Islam, seni dipandang tinggi apabila digunakan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Oleh itu, setiap jurugambar Muslim harus memastikan karya mereka menjadi saksi kebesaran-Nya dan medium untuk menyebarkan kebaikan di dunia.



# KEPENTINGAN DAN CARA MENARIK MINAT BUKAN PENUTUR JATI MEMPELAJARI BAHASA MANDARIN

*Oleh: Nurul Najihah Ramlan*

Bahasa Mandarin atau bahasa Cina yang juga dikenali sebagai Putonghua merupakan bahasa ibunda negara China. Menurut Kementerian Pendidikan Republik Rakyat China dalam Zhongguo yuyan wenzi gaikuang (2021), bahasa Mandarin ialah bahasa yang paling banyak digunakan di China dan merupakan bahasa pertama yang paling banyak digunakan di dunia. Di China, selain orang Han yang menggunakan bahasa Cina, orang Hui dan Manchu juga pada asasnya menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa komunikasi. Kumpulan etnik lain kebanyakannya mempunyai bahasa mereka yang tersendiri. Bahasa Mandarin juga bukan sahaja dituturkan oleh rakyat China, malahan dituturkan oleh penutur luar dari negara China seperti Taiwan, Singapura dan Malaysia. Bahasa Mandarin kini telah menjadi bahasa antarabangsa yang kedua terbesar selepas bahasa Inggeris.

Di Malaysia, mempelajari bahasa Mandarin bukan lagi perkara asing. Sebagai sebuah negara yang berbilang etnik, kaum Cina merupakan kaum yang kedua terbesar di Malaysia, selepas kaum Melayu. Jadi, tidak hairanlah jika bilangan pelajar khususnya bukan penutur jati yang ingin mempelajari bahasa Mandarin semakin hari semakin meningkat ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Kesannya, pelbagai institusi, universiti dan sekolah kini menawarkan kursus bahasa Mandarin. Laporan Malaysiakini (2021), menjelaskan bahawa populariti kelas bahasa Mandarin didapati kian meningkat dalam kalangan bukan penutur jati bahasa Mandarin di Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa warga Malaysia khususnya bukan penutur jati bahasa Mandarin mula menyedari akan kepentingan mempelajari bahasa Mandarin sebagai nilai tambah dalam peningkatan kerjaya dan pendidikan. Oleh itu, penulisan ini akan meneroka kekuatan dan kelebihan yang ada dalam bahasa ini sehingga menjadi pilihan masyarakat Malaysia khsuusnya dalam menguasainya sebagai bahasa asing dan apakah cara yang menarik untuk mempelajarinya.

Bahasa Mandarin“Bahasa Bisnes” Dunia

Pertumbuhan pesat sektor ekonomi negara China kini menjadikan bahasa Mandarin penting terutama dalam perdagangan global. China merupakan pengeluar terbesar produk barangan berasaskan plastik, kain, pakaian dan sebagainya di dunia. Menurut data pada tahun 2017, ekonomi China menduduki tangga kedua selepas Amerika Syarikat. Kedudukan yang dominan dalam ekonomi global menjadikan negara China memperoleh peluang perniagaan yang luar biasa. Syarikat-syarikat di negara China telah berkembang ke peringkat antarabangsa kerana keupayaannya dari segi penyumberluasan kerana kos yang sangat rendah dan produktiviti yang tinggi menyebabkan kebanyakan negara-negara luar terutamanya Malaysia mengimport barang dari negara China.



Platform membeli belah dalam talian atau online shopping seperti Shopee, Lazada, Taobao, Alibaba.com dan yang terbaru iaitu tiktok shop semakin hari semakin menjadi kegilaan ramai pembeli dan penjual kerana harganya murah dengan kualiti yang memuaskan. Kebanyakan barang di platform membeli-belah dalam talian ini datang dari negara China. Menurut The Democrative News Platform (2007), sebuah platform dalam talian yang membincangkan tentang isu semasa, terdapat sebuah forum yang membincangkan tentang “Adakah bahasa Mandarin penting untuk perniagaan? Dapatan daripada forum tersebut  bersetuju bahawa bahasa Mandarin sangat penting untuk dikuasai. Mereka banyak berurusan dengan orang di negara China dari segi pembelian bahan-bahan mentah dalam menghasilkan barang, memborong produk-produk keluaran China dan pasarkan di Malaysia terutamanya bagi yang menjalankan perniagaan kerana masyarakat China tidak tahu berbahasa lain selain daripada bahasa Mandarin. Di sini dapat disimpulkan bahawa




bahasa Mandarin sangat penting untuk dikuasai terutamanya bagi ahli perniagaan yang sedang menjalankan perniagaan. Tambahan pula, pusat ekonomi kini tertumpu di China dan keadaan ini membuktikan bahawa bahasa Mandarin sangat penting untuk dipelajari terutamanya kepada generasi kini dan masa depan.

Peluang pekerjaan Lebih Meluas

Menguasai bahasa asing terutamanya bahasa Mandarin amat disarankan kepada orang ramai sebagai nilai tambah dalam pekerjaan seperti sektor korporat, industri dan sebagainya. Menurut bekas timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA), Prof Dr Noor Azizi Ismail, pada era globalisasi ini, orang ramai disarankan mempelajari bahasa asing memandangkan bahasa ini berperanan sebagai salah satu bahasa yang terpenting di dunia. Tambahan pula, di Malaysia sekarang kebanyakan pekerjaan seperti sektor koporat, perindustrian dan sebagainya memerlukan pekerja yang berkeupayaan berbahasa asing terutamanya bahasa Mandarin. Hal ini kerana kebanyakannya kilang dan syarikat besar banyak dipelopori oleh kaum Cina ataupun kebanyakannya mempunyai kerjasama dengan syarikat-syarikat di China, seperti kilang Proton Holding Berhad yang mempunyai kerjasama dengan Zhejiang Geely Holding Group.

Walaupun kebanyakan orang tidak setuju tentang peletakan syarat “mahir berbahasa Mandarin” dalam syarat-syarat permohonan pekerjaan dan menganggapnya racist atau isu perkauman, namun pada pendapat saya, syarat ini diletakkan kerana kilang-kilang atau syarikat-syarikat tersebut kebanyakannya mengimport barang-barang mentah dari negara China. Memandangkan rakyat China tidak mempunyai keupayaan berbahasa selain bahasa Mandarin, maka mereka lebih memilih pekerja yang mempunyai kelebihan berbahasa Mandarin. Jika kita pandang dari sudut yang positif, ini bukanlah suatu isu perkauman atau racism, malahan ini

boleh dijadikan motivasi untuk menguasai lebih dari satu bahasa yang tentunya mempunyai kelebihan berbanding orang lain. Dengan adanya kemampuan dan kelebihan ini, bukan sahaja memberi nilai tambah dalam diri kita, malahan mampu menjadi daya penarik kepada syarikat besar untuk mengambil mereka sebagai pekerja. Malah, pilihan pekerjaan juga akan menjadi lebih luas dan tiada batasan untuk memilih pekerjaan yang diimpikan sesuai dengan kelulusan. Di samping itu, dengan adanya kelebihan berbahasa Mandarin, bahasa itu sendiri juga dapat dijadikan sebagai pekerjaan. Contohnya seperti bidang pendidikan, iaitu guru bahasa Mandarin atau penterjemah, bidang pelancongan iaitu pemandu pelancong dan sebagainya. Maka, tidak rugi jika kita mempunyai kelebihan berbahasa Mandarin. Memetik pandangan Teo Kok Seong (2014) yang disiarkan dalam akhbar  Berita Harian dalam talian, beliau menjelaskan bahawa dengan adanya pengetahuan bahasa Mandarin, rakyat Malaysia bukan sahaja mampu mengambil bahagian secara lebih berkesan dalam dunia yang berbahasa Mandarin, malah membuka peluang kerjaya yang lebih luas dalam kehidupan rakyat.

## Memahami Budaya dan Masyarakat

Mempelajari bahasa Mandarin bukan sahaja dapat menambah ilmu pengetahuan dan dapat memberi nilai tambah dalam diri kita terutamanya dalam mencari pekerjaan, malah dapat memahami budaya masyarakat di negara China sesuai dengan status Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum yang sangat menitikberatkan tentang adat dan budaya. Adat dan budaya kaum Cina di Malaysia mempunyai persamaan dengan masyarakat di China kerana kebanyakan orang Cina di Malaysia adalah dari keturunan selatan China yang tiba pada awal abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20 (Dr Tanaka Mustafa, 2019). Sejak kebelakangan ini, isu perkauman sering menjadi bualan dan semakin hari semakin serius terutamanya dalam kalangan kaum Melayu dan kaum Cina disebabkan oleh ketidakfahaman tentang budaya kaum masing-masing. Maka dengan mempelajari bahasa Mandarin terutamanya kepada bukan penutur jati, mungkin dapat mengurangkan isu perkauman, perasaan prasangka, stereotaip salah konsep dan seumpamanya sekali gus dapat saling memahami budaya masing-masing dan dapat menghindari salah faham antara satu sama lain. Selain itu, kita juga dapat mempelajari budaya masyarakat lain dan mencontohi budaya baik masyarakat lain seperti pengurusan masa dan sebagainya.

Selain memahami budaya, kita juga dapat menambah kenalan baru terutamanya kenalan yang berbahasa Mandarin. Bukan sahaja kenalan di Malaysia, malahan kenalan di negara-negara yang berbahasa Cina seperti di China, Taiwan, Hong Kong, Singapura dan Filipina. Menurut sumber di sebuah laman sesawang, bahasa Mandarin merupakan bahasa yang mempunyai penutur terbanyak di dunia. Berdasarkan bancian Amerika Syarikat, China mempunyai penduduk yang paling ramai di dunia dan kebanyakannya berhijrah ke serata dunia. Boleh dikatakan setiap negara pasti mempunyai rakyat China dengan adanya Chinatown di negara-negara seperti Eropah, Amerika Utara, Amerika Selatan, Asia, Afrika dan Australasia. Tidak hairanlah bahasa Mandarin merupakan bahasa yang mempunyai penutur terbanyak di dunia, justeru tidak perlu risau dan khawatir jika anda sesat ketika melancong atau mengembara ke negara luar kerana pasti salah seorang daripada beribu orang di sana dapat berkomunikasi dalam bahasa Mandarin. Pengalaman sahabat saya yang fasih berbahasa Mandarin semasa melancong ke Turki dan Korea, beliau hanya menggunakan bahasa Mandarin untuk bertanyakan arah jalan dan sebagainya semasa di sana.

Dengan mempelajari bahasa Mandarin juga, dapat menarik minat pelancong luar untuk datang ke Malaysia terutamanya pelancong dari negara-negara yang bertutur dalam bahasa Mandarin. Hal ini sekali gus dapat meningkatkan ekonomi negara. Menurut Berita Harian Online,  Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) menjelaskan bahawa kemasukan pelancong China dijangka meningkat dengan ketara dan menjangkakan sektor pelancongan Malaysia dan China akan kembali beroperasi sebaik sahaja negara China melonggarkan sekatan perjalanan. Oleh itu, bagi menarik minat pelancong China untuk datang ke Malaysia, Pusat Kebudayaan China ditubuhkan dan bekerjasama dengan MATTA untuk menggalakkan pertukaran pelancong dan kemaskini produk. Terdapat beberapa





cara yang boleh dilakukan untuk menarik minat terutamanya bukan penutur jati dalam mempelajari bahasa Mandarin. Antaranya ialah:

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang Menarik dan Berkesan

PdP yang menarik dan berkesan memainkan peranan yang sangat penting untuk menarik minat pelajar dalam mempelajari bahasa asing terutamanya bahasa Mandarin. Hal ini kerana PdP yang menarik dan berkesan dapat menarik minat pelajar untuk lebih memahami apa yang diajar manakala PdP yang hambar dan membosankan memberi kesan yang buruk kepada pelajar. Pelajar akan mudah lupa apa yang diajar dan tidak fokus dalam mempelajari sesuatu, seterusnya pelajar akan hilang minat untuk belajar terutamanya untuk belajar sesuatu yang baru.
Pada era globalisasi kini yang seiring dengan Revolusi Industri 4.0 dan ditambah dengan pasca-Covid-19, pembelajaran secara bersemuka telah bertukar ke pembelajaran secara dalam talian (e-pembelajaran). E-Pembelajaran sangat memudahkan dan lebih menarik minat pelajar kerana penggunaan aplikasi dan visual yang lebih berkesan. Kini pembelajaran banyak dikendalikan secara segerak seperti dengan menggunakan pelbagai platform seperti zoom, webex, google meet,youtube live, fb live dan sebagainya kerana lebih menjimatkan masa dan tenaga untuk ke kelas. Pembelajaran bahasa Mandarin secara dalam talian juga boleh didapati dalam pelbagai saluran seperti Hello talk, Du Chinese, Train Chinese dan sebagainya.

Mempromosikan bahasa Mandarin

Mempromosikan bahasa Mandarin kepada orang ramai terutamanya bukan penutur natif juga merupakan satu strategi yang berkesan untuk menarik minat mereka mempelajari bahasa tersebut. Terdapat banyak kaedah untuk mempromosikan bahasa Mandarin kepada orang ramai. Antaranya melalui platform media sosial seperti Instagram dan Facebook, serta Tiktok yang kini menjadi kegilaan masyarakat tanpa mengira usia sama ada untuk berinteraksi bersama rakan dan berkongsi rutin harian atau pengalaman dan mempromosikan barangan. Kaedah ini juga secara tidak langsung memberi ilham kepada para guru untuk menggunakan pendekatan ini untuk sesi pengajaran bahasa Mandarin.
Kini ramai pengajar terutamanya pengajar bahasa asing menggunakan pendekatan ini untuk menarik minat pelajar mempelajari bahasa asing. Mereka hanya memperkenalkan beberapa perkataan asas yang kerap digunakan dan mudah diucapkan agar pelajar tidak merasa bosan semasa sesi pembelajaran. Selain itu, penggunaan platform Youtube  juga menjadi medium penting. Banyak video asalnya seperti video cerita pendek, lirik lagu dan sebagainya berbahasa Inggeris atau bahasa Melayu, diterjemah atau dialih suara ke bahasa Mandarin. Pendekatan ini dapat menarik minat pelajar mempelajari bahasa Mandarin dengan penggunaan teknologi.

Selian pendekatan media sosial, program-program budaya tidak kurang hebatnya untuk dijadikan medium pembelajaran yang interaktif. Program-program budaya selalunya diadakan di peringkat sekolah dan universiti dengan tujuan mempromosikan bahasa serta budaya masyarakat yang bertutur bahasa tersebut seperti pesta kebudayaan yang pernah diadakan di Universiti Malaysia perlis. Pelajar bukan sahaja dapat mempelajari beberapa perkataan bahasa Mandarin, malahan juga dapat mempelajari budaya dan makanan masyarakat Cina. Selain di sekolah dan universiti, masjid Cina di Ipoh sering mengadakan sambutan Tahun Baru Cina bagi menarik minat masyarakat Cina mengenali budaya Islam dan masyarakat Melayu mengenali budaya Cina. Program ini secara tidak langsung dapat memberi motivasi kepada kita untuk mempelajari bahasa Mandarin dan berdakwah kepada masyarakat Cina yang lain.

Kesimpulannya, mempelajari bahasa Mandarin penting dalam kehidupan kita. Menguasai bahasa Mandarin bukan sahaja memberi peluang pekerjaan yang lebih luas terutama dalam era ekonomi global yang cenderung berpusat di China tetapi juga membantu kita memahami budaya masyarakat Cina di negara kita dan sekali gus mengelak konflik antara kaum dan mewujudkan suasana yang lebih harmoni. Walau apapun, dalam mempelajari sesuatu ilmu atau bahasa, perkara yang paling penting ialah minat yang mendalam, kerana dengan minat sesuatu ilmu yang baru akan lebih mudah difahami dan diingati.





# AN INCOGNITO TAB IN CHROME IS MONSTROUS: UNMASKING THE ILLUSION OF PRIVACY

*Written by: Sharifah Anis Zarith binti Syed Dziauddin, Nur Adila binti Hakimi & Muhammad Bazli bin Mahmood*

In an era where digital privacy is a paramount concern, Google Chrome's Incognitomode is often seen as a sanctuary for private browsing. Users are drawntothepromise of anonymity, believing they can surf the web without leavingatrace. However, this perception can be misleading. The reality is that an Incognitotabcan be monstrous, creating a false sense of security that can leadtoriskybehaviours and unintended consequences.

The Illusion of Privacy
When users open an Incognito tab, they are greeted with a message that assuresthem their browsing history won't be saved. This creates an illusion of privacyandsafety. However, this mode only prevents the local device fromstoringdata; itdoes nothing to shield users from tracking by websites, ISPs, or other external entities. Users might mistakenly believe they are invisible online, which canleadtocareless behaviour.

Behavioural Consequences
The false sense of security provided by Incognito mode can lead users toengagein risky online activities. Some may feel emboldened to share sensitive informationor access explicit content, assuming their actions are shielded fromscrutiny. Thisphenomenon, known as the "disinhibition effect," can result in significant personal risks, including identity theft and exposure to malware.

Furthermore, Incognito mode can encourage users to act without consideringtheethical implications of their online behaviour. The idea that they are freefromjudgment can lead to decisions that may harm not only themselves but alsoothers, fostering a culture of irresponsibility in digital interactions.

Impact on Relationships
The use of Incognito mode can also complicate interpersonal relationships. Whenone partner discovers the other has been browsing privately, it can breeddistrustand suspicion. Questions about fidelity or hidden activities can arise, strainingthefabric of trust between individuals. This dynamic can be particularly damaginginromantic relationships, where transparency is crucial.

Workplace Implications
In professional settings, Incognito mode can pose significant risks. Employeesmayuse it to circumvent company policies, thinking their activities are hidden. Thiscanlead to data breaches, misuse of sensitive information, and potential legal consequences for both the employee and the organization. Companies must beaware of how such tools can impact workplace culture and data security.

The Broader Context of Privacy
The use of Incognito mode raises important questions about privacy in thedigital age. As users increasingly seek ways to protect their online identities, thetoolsthey rely on may inadvertently foster misunderstandings about privacy. Incognitomode serves as a reminder that while technology can offer some degreeofanonymity, it cannot fully safeguard against the complexities of online surveillance.

Conclusion
While Google Chrome's Incognito mode offers users a layer of privacy, it iscrucial to recognize its limitations. The notion that one can browse theinternetcompletely anonymously is a dangerous myth. As users navigate thisdigital landscape, they must approach Incognito mode with caution andaclearunderstanding of its implications.
By fostering a responsible attitude toward online privacy, individuals canbetterprotect themselves and their relationships in an increasingly interconnectedworld. In this sense, the monstrous nature of Incognito mode lies not just in its designbutin the misconceptions it perpetuates about the true nature of online privacy.





# PREPARING HIGHER EDUCATION STUDENTS WITH SKILLS FOR THE FUTURE

*Written by: Sharifah Anis Zarith binti Syed Dziauddin, Nur Adila binti Hakimi & Muhammad Bazli bin Mahmood*

The rapid pace of technological advancement and global changes have fundamentally reshaped the skills required in the workforce. In addition to preparing students for the demands of the present, higher education institutions now have to prepare them for the difficulties of the future, which are changing at an unprecedented rate. Educational systems must concentrate on giving students abilities beyond conventional academic knowledge if they want to remain relevant. This transformation emphasises transdisciplinary skills, digital literacy, and a solid critical thinking, creativity, and adaptability foundation.

1. Digital Literacy and Technological Proficiency

One of the most significant changes in the modern workforce is the rise of digital technologies, which permeate almost every industry. Higher education students must proficiently use digital tools, platforms, and technologies. It also includes knowing new technologies like blockchain, data analytics, and artificial intelligence, as well as using standard software. Students can navigate and contribute to an increasingly tech-driven economy by fostering solid digital literacy.

Moreover, integrating technology into learning itself enhances the process. Virtual simulations, online collaborative platforms, and digital learning resources can provide students with practical, hands-on experiences. These tools are crucial in cultivating digital natives prepared to innovate and adapt in a workforce that continues to evolve alongside technological advances.

2. Critical Thinking and Problem-Solving Skills

The ability to analyse, evaluate, and solve complex problems remains a timeless and essential skill for the future. Higher education must go beyond rote memorisation and theoretical information, instead emphasising critical thinking and problem-solving skills in students. These skills enable individuals to tackle the unpredictable challenges of the future with resilience.

For instance, many industries are dealing with increasingly complex problems related to sustainability, global health crises, or cybersecurity threats. Higher education programs should incorporate real-world scenarios into their curricula, challenging students to think critically about these issues and develop innovative solutions. By nurturing this mindset, students can approach challenges with the agility and creativity necessary in a dynamic global landscape.

**3. Interpersonal and Communication Skills**

While digital literacy and critical thinking are vital, soft skills like interpersonal communication, teamwork, and emotional intelligence are equally important. The rise of remote work, globalised teams, and cross-cultural collaborations requires individuals who can communicate effectively, navigate diverse environments, and work collaboratively.

Higher education institutions must emphasise these skills through group projects, team-based learning, and opportunities for intercultural exchange. These experiences allow students to engage with peers from diverse backgrounds, fostering empathy and cultural competence, which are invaluable in an interconnected global economy.

**4. Adaptability and Lifelong Learning**

Given the fast-paced evolution of knowledge and technology, the future workforce will demand a commitment to lifelong learning. Higher education has become known as the cornerstone of a lifetime of study rather than a one-time investment. Institutions should instil in students the ability to continuously seek new knowledge and adapt to new environments.
Programs that emphasise adaptability—whether through internships, co-op programs, or opportunities for real-world experience—enable students to develop a flexible mindset. This adaptability ensures they are prepared to transition between roles or industries as the labour market changes.

**Conclusion**

Preparing higher education students with skills for the future requires a transformative approach to education. It involves developing technical expertise and critical thinking and fostering communication, teamwork, adaptability, and a commitment to lifelong learning. By equipping students with these future-oriented skills, institutions ensure that graduates are employable and capable of contributing meaningfully to a rapidly changing world. In this way, higher education remains a cornerstone of personal and professional growth, laying the groundwork for success in the 21st century.



# SHAPING NEXT-GEN CLASSROOM

*Written by : Balkis Ibrahim*

Shaping the Next-Generation Classroom by How University Students Think

How we think shapes how we learn, how we solve problems, and how we engage with the world. For university students, understanding their thinking styles is not just an academic exercise, it's a critical step toward thriving in a fast-changing, technology-driven future. In the next-generation classroom, where collaboration, innovation, and adaptability are key, tapping into the power of diverse thinking styles can transform education. Let's explore three distinct modes of thought; divergent, idealist, and realist, and how they can unlock students' potential.

1. Divergent Thinking (The Spark of Creativity)
Divergent thinking is the ability to generate a variety of ideas by exploring different perspectives and possibilities. It's the kind of thinking that encourages students to brainstorm wildly, ask "what if" questions, and find connections others might miss. Characteristics like originality, flexibility, and openness to new experiences define this mode of thought. It builds the sparks of creativity.

In the classroom, divergent thinking plays a vital role in fostering creativity. Imagine a group of engineering students tasked with designing a sustainable city. Using divergent thinking, they might propose everything from vertical gardens to solar-powered transportation systems. It's about breaking boundaries and welcoming the unexpected. Activities like design sprints, innovation challenges, and interdisciplinary projects can help students embrace this creative mindset.

2. Idealist Thinking (Vision with Values)
Idealist thinking goes beyond the present moment to focus on what could be, often guided by a strong sense of ethics, purpose, and big-picture goals. This type of thinking is driven by the belief that ideas have the power to shape reality. It's about imagining a better world and striving to make it happen.

In a next-generation classroom, idealist thinking can inspire students to tackle pressing global issues. For example, social science students might work on solutions for reducing inequality or addressing climate changes. Discussions about values, ethical decision-making, act ethically and long-term goals are central to nurturing this mindset. By encouraging students to reflect on their passions and purpose, educators can help them become visionary leaders who drive meaningful change.

3. Realist Thinking (Grounded in Reality)
Last but not least, realist thinking brings a practical and evidence-based approach to decision-making. It's about understanding the world as it is, assessing facts, and focusing on achievable results. While idealists dream big, realists ensure that those dreams are grounded in reality.

For university students, realist thinking is essential for tackling real-world challenges. In a business class, for instance, students might analyze market trends and data to develop a viable startup plan. Through case studies, simulations, gamification and critical evaluations, educators can help students build the analytical skills they need to succeed in the workforce.

A Balanced Approach for a Bright Future
The beauty of these thinking styles lies in their differences. Divergent thinking sparks ideas, idealist thinking provides purpose, and realist thinking ensures practicality. Together, they create a well-rounded approach to problem-solving and learning that directly aligns with the global vision of Sustainable Development Goal 4 (SDG 4) and Sustainable Development Goal 8 (SDG 8).

SDG 4 refers to Quality Education that emphasizes inclusive and equitable quality education that promotes lifelong learning opportunities for all. By nurturing these modes of thought in harmony, educators empower students to develop the critical thinking, creativity, and adaptability needed to thrive in complex and dynamic environments. Classrooms that foster collaboration, self-discovery, and intellectual growth help create confident, capable learners who are ready to tackle global challenges with innovative and inclusive solutions.

Meanwhile, SDG 8 refers to Decent Work and Economic Growth that focuses on promoting sustained, inclusive, and sustainable economic growth, as well as productive employment. Encouraging students to combine creativity with practical insights ensures they are prepared to meet the demands of the modern workforce. A balance of these thinking styles equips them with the ability to ideate, plan, and execute strategies that not only drive economic progress but also uphold ethical values and social responsibility in the workplace.

By designing educational experiences that promote these thinking styles, educators prepare students not just for exams but for life. This approach fosters a generation of changemakers who can contribute to global development goals while shaping a future that is inclusive, innovative, and sustainable. After all, the future belongs to those who think differently and boldly.

It is our hope that this content serves as an eye-opener, encouraging educators and students alike to embrace the changes needed to thrive in the future. By adopting these approaches to thinking, we can inspire the next generation to tackle challenges with confidence and courage, driving progress in ways we have yet to imagine.



# FROM PERLIS TO SWEDEN: A REFRESHING EXCHANGE

*Noor Farahhein Johari & Masturah Sabri*

In early September 2024, my colleague and I had the privilege of presenting our papers at a conference hosted by Linnaeus University (Swedish: Linnéuniversitetet) in Kalmar, Sweden. Situated in front of a picturesque harbour, the university itself is an eye-catching institution, with its bright yellow main building, which also seems to extend to its official backpack merchandise - a tempting buy, I must admit.

Unlike in Malaysia, where conferences often feel like a grand event with an entire village mobilised for the organization, this conference was efficiently managed by just three committee members. From the first announcement a year prior to the event up until the D-day itself, these three handled everything - from answering queries to finalising the schedule. I submitted my abstract in December 2023, well in advance, reflecting their meticulous planning.

On the event day, we were greeted with a simple Scandinavian breakfast – rye bread, croissants, and fresh fruits accompanied by a much-needed strong cup of coffee - perhaps to help us combat any pre-presentation nerves. The conference commenced with the keynote speaker discussing the timely topic of Peace Linguistics, which resonated deeply in the current global climate.

One of the aspects that struck me most was impeccable time management - what I fondly refer to as ‘German time.’ Sessions started exactly on time, with no exceptions. Even during the Q&A session, when the audience seemed to run out of questions, the moderator would encourage everyone to think deeper, and soon enough, hands would rise again with inquiries.

The conference’s atmosphere was markedly different from my experiences in Malaysia. In Kalmar, the questions were framed with kindness and genuine curiosity. Rather than being accusatory or condescending, as is sometimes the case in other settings, the attendees would start with phrases like, “I’m sorry, I think I may have missed your explanation earlier, could you clarify...?” This immediately put presenters at ease, changing what could have been a nerve-wracking moment into a more relaxed and engaging dialogue.

After my presentation, I had an encounter that left a lasting impression on me. As I returned to my seat, a kind woman, leaned in close to share her suggestion with me, and I could tell she was someone important in the room, but her humility stood out. Despite her build, there was no air of superiority - just a genuine willingness to help. Her ideas have since become an integral part of my ongoing research.

Between presentations, the audience moved fluidly, selecting which sessions they wanted to attend. It was clear that timekeeping played a crucial role, with people respecting each session’s schedule and flow. This fast-paced yet organized approach contrasted with what I had previously experienced at home, where sessions often overrun or were cut short. The atmosphere at home often feels tense during Q&A sessions, and we secretly hoped nobody would raise their hands.

It was very different in Sweden. I witnessed a refreshing balance between professionalism and politeness, something I hope to see more of in academic settings worldwide.















# "MORE THAN JUST PLAY: EXPLORING STEM WITH LEGO®"

*Sri Kandy Putri Naru Binti Abdul Hamid Naru*
*Shafiq Hizwari Bin Md Hashim*

In a world increasingly driven by innovation and technology, nurturing a love for Science, Technology, Engineering, and Mathematics (STEM) from an early age is more important than ever. Yet, the traditional emphasis on textbooks and structured exercises is not the only way to spark a child's interest in these crucial areas. Consider the humble LEGO® set—a toy that combines play with powerful learning opportunities. While it may seem simple, playing with LEGO® offers a hands-on experience that can lay the foundations for complex STEM skills. Beyond just a source of entertainment, LEGO® encourages problem-solving, creativity, and analytical thinking, making it a surprisingly effective tool in promoting STEM education. By integrating these playful building blocks into early education, we not only support the United Nations' Sustainable Development Goals—particularly those aiming for SDG 4: Quality Education, SDG 9: Industry, Innovation, and Infrastructure, and SDG 10: Reduced Inequalities—but also open a world of possibility for children, helping them to build the skills necessary for the challenges of tomorrow.

Encouraging children to engage with LEGO® sets goes beyond mere play; it immerses them in the fundamentals of engineering and design. For instance, when children follow the instructions to build a LEGO® model, they are not just piecing blocks together—they are understanding blueprints and executing a plan, mirroring the real-world tasks of engineers. This activity introduces them to the principles of stability and balance, key components in physics and engineering. Moreover, LEGO® inspires immense creativity, offering a canvas where young minds can venture beyond instructions to forge their own creations. This freedom not only fosters artistic expression but also cultivates iterative thinking. For example, a child attempting to build a replica of the Eiffel Tower might iteratively adjust their model to ensure structural integrity, mirroring the real-life process of architectural design. Such exercises subtly instil a mindset geared towards innovation and continuous improvement, crucial traits in the STEM fields.

LEGO® not only entertains but also educates, particularly in the realms of mathematics and technology. Building with LEGO® bricks introduces young learners to fundamental mathematical concepts such as symmetry, shape, and measurement. For instance, constructing a LEGO® house requires counting bricks and considering dimensions, which reinforces basic arithmetic and spatial reasoning. This method of learning through play can demystify math, making it more approachable and enjoyable. Simultaneously, some of the more sophisticated LEGO® sets, like the LEGO® Mindstorms series, bridge the gap between play and technological literacy. These kits allow children to delve into robotics and programming, providing a hands-on experience with coding that can influence future interests in computer science. As children program their LEGO® robots to navigate obstacle courses or complete tasks, they are not just playing—they are learning to think like programmers, developing logical thinking and problem-solving skills that are pivotal in the digital age.



LEGO® play also significantly enhances cognitive development and spatial skills, critical in many STEM careers. Assembling LEGO® sets, children learn to interpret two-dimensional schematics and transform them into three-dimensional structures, a skill vital for professions in architecture, engineering, and even astronomy. For example, by building a LEGO® model of a space shuttle, children grasp the concept of spatial orientation, which is essential for understanding the layout and mechanics of real-world structures. Furthermore, collaborative projects with LEGO® can foster teamwork and communication skills. In classrooms or family settings, children working together on a LEGO® build must share ideas, negotiate roles, and collectively solve problems, mirroring the collaborative nature of scientific and engineering endeavours. This not only prepares them for future workplace environments but also promotes a sense of community and shared achievement, reinforcing the social aspects of learning.

Incorporating LEGO® into the learning environment is more than just a way to engage children in play. It is a strategic approach to early education that nurtures a broad range of skills relevant to STEM fields. From enhancing problem-solving abilities and fostering creativity to developing mathematical thinking and introducing technology, LEGO® sets serve as a versatile educational tool. Moreover, the skills gained from these activities directly support the United Nations' Sustainable Development Goals, promoting quality education and reduced inequalities. Encouraging the use of LEGO® not only prepares children for the technological demands of the future but also cultivates a learning culture that values innovation, collaboration, and continuous improvement. As we strive to inspire the next generation of scientists, engineers, and innovators, let's remember that sometimes, the simplest forms of play can lead to the most profound learning experiences. So, when the next birthday or special occasion for the young ones in your life rolls around, consider choosing a LEGO® set—not just as a toy, but as a foundational block for their future.



# FAST FASHION: TODAY'S TREND, TOMORROW'S TRASH

*Oleh: Nurul Najihah Ramlan*

How many of us have bought clothes that we do not really want or need, which we only wear once (some never worn) because it was irresistibly cheap and often obtained with just a click of a button? Clothes shopping used to be an occasional event - something that happened a few times a year, when the seasons changed, or when we outgrew what we had. However, about 20 years ago, something changed. Clothes became cheaper, trend cycles sped up, and shopping became a hobby. Enter "fast fashion" and the global chains that now dominate our high streets and online shopping. Fast fashion is a term that has become ubiquitous in the fashion industry over the past decade. It refers to a business model prioritising speed and low cost over everything else. Fast fashion brands churn out clothing collections unprecedentedly, with new items arriving in stores every week or even every day. This business model has revolutionized the fashion industry but has also come under scrutiny for its environmental impact, labour practices, and contribution to consumer culture. The most mentioned fashion brands on social media networks seems to have ruled over the internet culture in the past years, testifying to user interest in these fashion giants like Shein, Zara, H&M, ASOS, GAP, Primark, Forever21 and the list goes on.

It was all too good to be true in the oughties, where all these stores selling very cool, trendy clothing you could buy with your loose change, wear a handful of times, and then throw away. Suddenly, everyone could afford to dress like their favourite celebrity or wear the latest trends fresh from the catwalk. Then in 2013, the world had a reality check when the Rana Plaza clothing manufacturing complex in Bangladesh collapsed, killing over 1,000 workers. That is when consumers really started questioning fast fashion and wondering at the true cost of those $5 t-shirts.

Fast fashion is the term used to describe clothing designs that move quickly from the catwalk to stores to take advantage of trends. The collections are often based on styles presented at Fashion Week runway shows or worn by celebrities. Fast fashion allows mainstream consumers to purchase the hot new look or the next big thing at an affordable price.

It is undoubtedly that fast fashion is profitable for manufacturers and retailers. The constant introduction of new products encourages customers to frequent stores more often, which means they end up making more purchases. The retailer does not replenish its stock but instead, it replaces items that sell out with new items. Accordingly, consumers know to purchase an item they like when they see it, no matter the price, because it is not likely to be available for long. And because the clothing is cheap (and cheaply made), it is easy to get people back into stores or online to make fresh purchases.

Fast fashion became common because of cheaper, speedier manufacturing and shipping methods, an increase in consumers' appetite for up-to-the-minute styles, and the increase in consumer purchasing power, especially among young people - to indulge these instant-gratification desires. Because of all this, fast fashion is challenging the established clothing labels' tradition of introducing new collections and lines on an orderly, seasonal basis. In fact, it is common for fast-fashion retailers to introduce new products multiple times in one week to stay on trend.

The strong point of fast fashion is clothes are affordable and not just any clothing, but innovative and stylish clothing. Even those of modest means can constantly buy smart new clothes, indulge in fun or impractical items, and wear something different every day without costing an arm and a leg. The democratization of fashion or stylish clothing - the action of making something accessible to everyone, has resulted in breaking away from exclusivity of the privileges. Now, everyone can look good, and fashion is no longer exclusively served to the rich and famous, fashion is for all.

Nonetheless, it is crucial to know that fast fashion's impact on the planet is immense. The pressure to reduce costs and speed up production time means environmental corners are more likely to be cut. Recent research has showed that fast fashion's negative impact includes its use of cheap, toxic textile dyes - making the fashion industry one of the largest polluters of clean water globally. The poorly made garments do not age well, but they cannot be recycled because they are predominantly (over 60%) made of synthetics. So, when they are discarded, they molder in landfills for years.

Aside from the environmental cost of fast fashion, there is a human cost as well. Fast fashion impacts garment workers who work in dangerous environments, for low wages, and without fundamental human rights, apart from other abusive and exploitative practices. Further down the supply chain, the workers may work with toxic chemicals and brutal practices that can have devastating impacts on their physical and mental health - in short, a modern-day slavery.

Fast fashion also encourages a "throw-away" consumer mentality. That is why it is also called disposable fashion. Many fast fashionistas in their teens and early twenties - the age group the industry targets - admit they only wear their purchases once or twice. The speed at which garments are produced also means that more and more clothes are disposed of by consumers, creating massive textile waste. According to some statistics, in Australia alone, more than 500 million kilos of unwanted clothing end up in landfill every year.

As climate change has become a more widely shared concern, sustainability has become a focal and selling point for many fashion brands right now. It is hoped that not everyone is swayed by ultra-cheap prices for fresh-off-the-runway trends. Many belief that contemporary consumers, especially younger ones, have a heightened awareness of the impact that their clothing shopping habits can have on both the environment and human rights, with many opting for more circular and sustainable forms of getting their fashion fix: buying vintage or sustainable brands, swapping and repairing items, or the best-case scenario - just using less. But most importantly, as long as fast fashion is being created by these companies and still being sold in the amount and scale that they are being produced, there is always going to be someone who buys it since hopping for the best will not do the trick, drastic action needs to be taken.

# Kolum Sastera

## AKU SEORANG PENDIDIK

*Oleh Yuziana Yasin*

*Dua belas tahun berlalu,*
*Di menara gading ilmu,*
*Aku di sini setia berdiri,*
*Membimbing anak bangsa menjadi.*

*Tika semester melabuhkan tirai,*
*Kesunyian menyapa, tiada suara,*
*Ruang kuliah sepi, kosong tak terisi,*
*Rindu pada gelak tawa pelajar yang pergi.*

*Tika semester datang kembali,*
*Kesibukan melanda, tak terperi,*
*Mengisi setiap detik dengan tekad,*
*Mengajar, mendidik, tanpa rasa penat.*

*Aku seorang pendidik,*
*Menghadiahkan ilmu,*
*Melukis masa depan,*
*Di setiap langkah perjalanan mereka.*

*Sunyi dan sibuk, dua sisi berbeza,*
*Namun di hati ini tetap bahagia,*
*Melihat mereka pergi dan kembali,*
*Dalam putaran waktu yang tak pernah berhenti.*

*Doaku titipkan dalam setiap langkah,*
*Agar mereka terus kuat menghadapi arah,*
*Aku di sini, mendoakan mereka selalu,*
*Agar berjaya dalam setiap apa yang dituju.*



## PANTUN ADAB

*Oleh Suzana Sulaiman*

*Jalur lapan susun selari*
*Perahu mudik hulu terpencil*
*Adab sopan perhiasan diri*
*Perlu dididik sedari kecil*

*Merah merekah kembang dahlia*
*Indah sekali di sanggul nyonya*
*Adab bertingkah akhlak mulia*
*Manis sekali hati budinya*

*Kuntum melati mari disimpan*
*Beralas palas buat hamparan*
*Budi pekerti bersulam sopan*
*Jujur dan ikhlas jadi pakaian*

*Pohon keranji diasah belati*
*Dibuat bekal menyusup hutan*
*Akhlak terpuji halus pekerti*
*Terpahat kekal dalam ingatan*

# CINTA YANG BERSAKSI

*Oleh Mariam Binti Idris*

*Dalam keheningan malam tanpa cahaya,*
*Bersujud hamba mencari redha,*
*Tangisan hiba merintih dosa,*
*Kerana alpa menyusuri nikmat sementara.*

*Hati merayu penuh nestapa,*
*Tersungkur lemah di hamparan doa,*
*Mengharap hidayah dan taufiq dari-Nya,*
*Agar terselamat dari siksa dunia.*

*Wahai kekasih Yang Maha Esa,*
*Hamba hina berserah jiwa,*
*Mencari cinta pengasih setia,*
*Agar tenang jiwa yang lara.*

*Di saat titisan air mata menjadi suara,*
*Ku harapkan kasih-Mu menyapa jiwa,*
*Menghapus duka membawa bahagia,*
*Menyirami hati dengan cinta yang mulia*

*Kau yang mendengar tanpa bicara,*
*Kau yang memberi tanpa diminta,*
*Kasih-Mu suci tiada tara,*
*Menerangi hidupku yang kelam gelita.*

*Terangi diriku umpama cahaya purnama,*
*Menerangi malam menyingkirkan segala duka,*
*Sakitnya jiwa tanpa cinta-Nya,*
*Hanya sinar-Mu yang menenangkan rasa.*

*Wahai kekasih cinta hati,*
*Tempatku mengadu setiap hari,*
*Yang lemah ini memohon simpati,*
*Atas khilaf yang mengotori diri,*

*Dalam doa ku titipkan janji,*
*Mengharap kasih-Mu yang hakiki,*
*Biarlah helaan nafasku menjadi saksi,*
*Terukir cinta-Mu di lubuk hati,*

*Bimbinglah langkahku yang lemah ini,*
*Agar ku temui cahaya-Mu yang hakiki,*
*Hingga bertemu-Mu di keabadian sejati,*
*Agar ku kembali pada-Mu damai abadi.*



# PANTUN ‘PASANG PELITA’

*Nukilan Cahaya Malam*

*Kalau pelita tidak berasap,*
*Bagaimana datang cahaya,*
*Kalau cinta tidak diucap,*
*Bagaimana datang bahagia.*
*.............................*
*Jangan pernah pasang pelita,*
*Jika takut rumahmu lebur,*
*Jangan pernah mencari cinta,*
*Jika takut berlaku jujur.*

*Jangan lengah pasang pelita,*
*Bila sudah lilin terpadam,*
*Jangan lengah mencari cinta,*
*Bila sudah rindu dan dendam.*

*Jangan pernah pasang pelita,*
*Jika takut memasang sumbu,*
*Jangan pernah mencari cinta,*
*Jika takut menanggung rindu.*

*Jangan lengah pasang pelita,*
*Jika takut hantu jembalang,*
*Jangan lengah mencari cinta,*
*Jika takut hidup seorang.*

*Jangan pernah pasang pelita,*
*Jika sudah tengahari,*
*Jangan pernah mencari cinta,*
*Jika payah untuk memberi.*

*Jangan lengah pasang pelita,*
*Sebelum kuat angin bertiup,*
*Jangan lengah mencari cinta,*
*Jika ingin berteman hidup.*

*Jangan pernah pasang pelita,*
*Jika mata sudah mengantuk,*
*Jangan pernah mencari cinta,*
*Jika susah untuk memujuk.*

*Jangan lengah pasang pelita,*
*Sebelum kaki tersepak peti,*
*Jangan lengah mencari cinta,*
*Jika sudi sehidup semati.*
*...............*
*Bila sudah dipasang pelita,*
*Baru bebas kaki melangkah,*
*Bila sudah mendapat cinta,*
*Jangan lepas hingga ke jannah.*

# KOLUM BINTANG



# PENYELIDIKAN




GERAN KHAS PENJANAAN KPT - PENSIJILAN PROFESIONAL (KPT-PACE)

**DR. SHARMINI BINTI ABDULLAH**
PENYELIDIK BERSAMA:
**PROF. MADYA DR. SHUHAIRIMI BIN ABDULLAH**
**DR. ROZILAWATI BINTI MAHADI**
**DR. NAZIFAH BINTI HAMIDUN**




GERAN KHAS KPT - UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

*TAJUK PROJEK:*

*PROGRAM INCUBATOR TOP AGROPRENEUR*

**DR. ROZILAWATI BINTI MAHADI**
**KETUA PENYELIDIK**




GERAN KHAS

*COMMUNITY PROJECT RESEARCH GRANT (COMPRES)*

**DR. FAIZ BIN MASNAN**




EXPO REKACIPTA UniMAP (EREKA 2024)

PINGAT EMAS

*TAJUK INOVASI: UNITEST: A LOCALISED CEFR-BASED WRITING TEST*

**PN. YUZIANA BINTI YASIN**
**PROF. DR. HARSHITA AINI BINTI HAROON**
**DR. SHARMINI BINTI ABDULLAH**




SIJIL PENGHARGAAN

UniMAP EDUCATION INNOVATION CHALLENGE (EDIC)

KATEGORI: PENGALAMAN PEMBELAJARAN IMERSIF (TERADUN)

*TAJUK: VIRTUAL VOICES INTRODUCTION: ENHANCING ENGLISH CLASSROOM COMMUNICATION WITH ONLINE FORUMS*

**CIK NUR FARHINAA BINTI OTHMAN**




INTERNATIONAL RESEARCH FUND (INTERES)

*TAJUK: EXPLORING THE IMPACT OF AI IN TEACHING AND LEARNING ACROSS DICIPLINES AND GEOGRAFICAL LOCATIONS*

**DR. WAN SAFURA BINTI WAN OSMAN**




INTERNATIONAL RESEARCH FUND (INTERES)

*TAJUK: INVESTIGATING THE IMPACT OF AI ON EDUCATION: A COMPARATIVE CORPUS STUDY OF AI AND STUDENT-GENERATED SENTENCE COMPOSITION*

**DR. SHARMINI BINTI ABDULLAH**




GERAN SUMBANGAN SURUHANJAYA KEBANGSAAN UNESCO MALAYSIA (GSS) 2024

*TAJUK PROJEK: PENGHAYATAN SURAT-MENYURAT SULTAN ABDUL HAMID MELALUI TEKNOLOGI REALITI TAMBAHAN*

**EN. MOHD KASTURI NOR BIN ABD AZIZ**




FUNDAMENTAL RESEARCH GRANT SHCEME (FRGS)

*TAJUK: MODEL PENDIGITALAN SISTEM PERKHIDMATAN KESIHATAN PRIMER MADANI*

**DR. NUR QURRATUL' AINI BINTI ISMAIL**

KKM

*TAJUK: PEMBANGUNAN INDEKS KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN (RM20,000)*

**DR. NUR QURRATUL' AINI BINTI ISMAIL**
**AHLI BERSAMA PENYELIDIK UUM**

KKM

*TAJUK: TINGKAH LAKU GOLONGAN MUDA DALAM PEMILIHAN MAKANAN MENURUT PERSPEKTIF PSIKOLOGI (RM20,000)*

**DR. NUR QURRATUL' AINI BINTI ISMAIL**
**AHLI BERSAMA PENYELIDIK UUM**

EXPO REKACIPTA UniMAP (EREKA 2024)

*TAJUK INOVASI: CRIME PREVENTION VOLUNTEERISM MODEL (CPV MODEL)*

**EN. HASSAD BIN HASSAN**
**DR. NUR QURRATUL' AINI BINTI ISMAIL**
**DR. NUR HAFIFA ISWATI BINTI ISHAK**

EXPO REKACIPTA UniMAP (EREKA 2024)
PINGAT GANGSA

*BASIC BUSINESS PLAN IN GOOGLE EXCEL*

**DR. NUR QURRATUL' AINI BINTI ISMAIL**
**DR. NUR HAFIFA ISWATI BINTI ISHAK**
**EN. HASSAD BIN HASSAN**




GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (STG)

FAIZUDDIN CENTRE OF EDUCATIONAL EXCELLENCE (FCoEE), MAIPs

*TAJUK PROJEK:*

*MENEROKA FENOMENA JURANG KUASA (POWER DISTANCE) DALAM KONTEKS KOMUNIKASI KALANGAN PELAJAR ASNAF DAN GURU DI PERLIS: SATU PENDEKATAN SATU FENOMENOLOGI*

**EN. MOHD IZWAN IZHAR BIN HARIS**




GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (STG)

FAIZUDDIN CENTRE OF EDUCATIONAL EXCELLENCE (FCoEE), MAIPs

*TAJUK PROJEK:*

*MENEROKA STRESS DAN KONFLIK KELUARGA DALAM KALANGAN KELUARGA ASNAF DI PERLIS*

**DR. NURUL NAIMAH BINTI ROSE**
**PENYELIDIK BERSAMA:**
**DR. AIDA SHAKILA BINTI ISHAK**
**DR. NURHIDAYAH BINTI MARZUKI@YAHAYA**




GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK (STG)

FAIZUDDIN CENTRE OF EDUCATIONAL EXCELLENCE (FCoEE), MAIPs

*TAJUK PROJEK:*

*PEMBENTUKAN MODEL USAHAWAN SOSIAL ASNAF SEBAGAI PEMANGKIN TRANSFORMASI EKONOMI DI NEGERI PERLIS.*

**PROF. MADYA DR. SHUHAIRIMI ABDULLAH**

# ANUGERAH SERI GEMILANG 2023

























ANUGERAH AKADEMIK
**MOHD SYAMRIL AKLMAR BIN CHEK KASSIM**
*ANUGERAH AHLI AKADEMIK VERSATIL UniMAP 2023*

ANUGERAH PENERBITAN BUKU
**DR. NUR QURRAUL" AINI ISMAIL**
*KATEGORI BUKU UMUM TERBAIK*
*TAJUK BUKU: KEPOLISAN KOMUNITI MELALUI SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS)*

ANUGERAH KECEMERLANGAN PEYELIDIKAN
**DR. NAZRA ALIFF BIN NAZRI**
*ANUGERAH PENERBITAN DALAM MEDIA MASSA*

ANUGERAH AKADEMIK
**MUHAMMAD HAFIZ UMMAH BIN ABU BAKRI**
*ANUGERAH AHLI AKADEMIK VERSATIL UniMAP 2023*

ANUGERAH PENERBITAN BUKU
**PROF. MADYA DR. SHUHAIRIMI BIN ABDULLAH**
*KATEGORI KARYA SUNTINGAN TERBAIK*
*TAJUK BUKU: SIRI DIGES KEMANUSIAAN: WACANA ILMU DAN KEMANUSIAAN*

3MT COMPETITION 2024 UniMAP
**EN. FAHAROL BIN ZUBIR**
*PEMENANG TEMPAT PERTAMA*
*KATEGORI: SAINS SOSIAL*

# KOLUM RESENSI DAN PUSTAKA



**Judul: Himpunan Teknik dan Teori dalam CBT**

Penulis: Mohd Arsad Johanis
Penerbit: UniMAP Press
Tahun Terbitan : 2024
Harga/Halaman: RM49/186
ISBN: 978-967-2829-89-8




Buku ini diterbitkan atas dasar kesedaran tentang pentingnya menyebarkan ilmu pengetahuan yang dianugerahi Allah S.W.T kepada semua insan. Buku Himpunan Teori dan Teknik dalam CBT ini terkait secara tidak langsung dengan keseluruhan ekosistem masyarakat di Malaysia umumnya. Melalui buku ini pengenalan kepada CBT, sejarah awal CBT dan matlamat asal CBT diterangkan secara terpeinci. Selain itu penerangan konsep payung" CBT yang merangkumi pelbagai teknik dan teori turut dijelaskan. Pada bahagian lain pula, pula isu terkait dengan herotan kognitif (Cognitive Distortion) turut dikupas secara terperinci dan penulis mengutarakan sebanyak 15 jenis herotan yang sering berlaku dalam pemikiran seseorang manusia sama ada dia mengetahuinya atau pun tidak. Selian itu, penulis juga telah menghimpunkan 20 teknik dan teori yang wujud di bawah Payung CBT. Melaluinya, pembaca akan diperkenalkan dengan 20 teori utama yang merupakan teori-teori yang terhimpun dibawah CBT secara tidak langsung dan pembaca akan diperkenalkan dengan teknik-teknik khusus yang terkait dengan teori tersebut. Setiap teori dan teknik ini bertujuan untuk membantu individu memahami, mengurus, dan mengubah tingkah laku serta pemikiran mereka ke arah yang lebih positif. Dalam buku ini juga, pembaca akan dihidangkan dengan topik-topik yang terkait dengan isu-isu dan penyelesaian. Bab ini meneliti isu-isu yang sering dihadapi dalam penggunaan CBT dan menyediakan penyelesaian berdasarkan bukti lapangan. Simptom masalah psikologi seperti tingkah laku, perasaan, dan corak pemikiran turut akan dibincangkan. Selain itu, langkah awal bantuan seperti peka dengan keadaan, sokongan emosi, dan sikap tidak menghakimi ditekankan sebagai asas penting dalam kaunseling. Manakala pada bahagian akhir sekali dalam penulisan buku ini, penulis menghimpunkan seluruh pengalaman penulis sendiri dalam dunia kaunseling. Penulis merangkumkan 20 Teknik utama CBT yang sering digunakan dalam sesi kaunseling, antaranya teknik termasuklah seperti main peranan, analisis kelebihan dan kekurangan, pencatatan pemikiran positif, penetapan matlamat, imaginasi dan pelbagai lagi. Setiap teknik ini diterangkan secara terperinci dan contoh turut diberikan dalam bentuk dialog bagi memudahkan pembaca memahami perjalanan teknik ini dalam satu-satu sesi kaunseling. Kesimpulannya, buku ini bakal memberikan panduan menyeluruh kepada para kaunselor mengenai prinsip, teori, dan Teknik CBT, serta cara mengaplikasikannya dalam sesi kaunseling bagi mencapai hasil yang efektif.

## Judul: Kesediaan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam Di Malaysia

Pengarang: Mohamed Sarbini, Jasni Sulong & Noriha Basir
Penerbit : Penerbit USM
Harga: RM39.00
ISBN: 978-967-461-862-9

Buku Kesediaan Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia membincangkan tentang konsep kesediaan yang difahami secara teori dan praktis, seterusnya penilaian sejauh mana kewujudannya pada sesuatu masa. Buku ini mendedahkan pembaca terhadap kedudukan kesediaan negara dalam melaksanakan undang-undang jenayah Islam yang terdiri daripada hudud, qisas dan takzir yang mengandungi ketetapan hukuman mengikut kesalahan-kesalahan tertentu berdasarkan panduan al-Quran dan hadis.

Umum diketahui bahawa sebelum negara ini mencapai kemerdekaannya, telah wujud beberapa undang undang negeri seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Pahang yang berteraskan peruntukan undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, peruntukan dan pelaksanaannya telah diubah setelah kedatangan penjajah Inggeris dan perubahan tersebut berkekalan sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Meskipun negara kemudiaannya telah menubuhkan Mahkamah Kadi yang kini dikenali sebagai Mahkamah Syariah, namun peruntukan undang-undang jenayah Islam yang pernah diamalkan sebelum kemerdekaan tidak lagi dikanun dan dikuatkuasakan.

Usaha meningkatkan fasiliti perundangan dan kehakiman Islam terus diperkasakan melalui pembinaan bangunan mahkamah yang lebih besar dan penghasilan para pegawai yang terlatih serta barisan hakim yang berpengalaman. Namun, bidang kuasa yang diberikan dalam mendengar dan menjatuhkan hukuman berhubung jenayah Islam masih terhad. Justeru, buku ini akan membincangkan sejauh mana keadaan terkini dan perkembangan semasa memberikan gambaran sebenar terhadap kesediaan negara untuk melaksanakan undang-undang jenayah Islam. Perbincangan ini sudah semestinya merujuk kepada sumber-sumber hukum Islam demi mencapai keadilan yang dituntut oleh agama serta memenuhi maksud syarak.




## Judul: Buku Siri Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA): Naratif Kelestarian Budaya Alam Melayu

Penulis : Noor Asliza Abdul Rahim, Nurul Syazwani Zulkifli & Mohammad Zaki Abdul Halim
Penerbit : UniMAP Press
Harga: RM64.00
ISBN 978-629-7715-14-8

Buku Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara dengan tema Naratif Kelestarian Budaya Alam Melayu ini memfokuskan kajian terhadap kepelbagaian budaya dalam kehidupan masyarakat Nusantara. Wacana kebudayaan yang dibincangkan merangkumi peranan budaya dalam konteks globalisasi IR4.0, bahasa sukuan, hati budi Melayu dan seni dan warisan budaya Melayu. Sepuluh bab dalam buku ini menyentuh pelbagai aspek budaya masyarakat pelbagai kaum dan dipersembahkan dengan gaya bahasa yang mudah difahami kandungan mesejnya. Buku ini sesuai dibaca oleh semua pihak, khususnya pelajar, guru, penyelidik institusi pengajian tinggi, dan pencinta budaya bangsa.



# KOLUM TERJEMAHAN



Maafkan saya tuan.
Saya sesat. Bolehkah anda bantu saya?
Di mana saya boleh menukar wang saya?
Di manakah ___ terdekat?
Di manakah boleh saya beli ___?
Berapakah harga ini?
Di manakah boleh saya naik ___?
Bolehkah anda membawa saya ke alamat ini?
Bolehkah saya beli tiket ke ___?

I'm sorry sir
I'm lost. Could you help me, please?
Where can I exchange my money?
Where is the nearest ___?
Where can I buy ___?
How much does this cost?
Where can I catch the ___?
Can you take me to this address?
Can I have a ticket to ___, please?

آسف سيدي.
أنا ضائع. هل يمكن أن تساعدني من فضلك؟
أين يمكنني صرف نقودي؟
أين أقرب ____؟
أين يمكنني شراء ____؟
كم يكلف هذا؟
أين يمكنني ركوب ____؟
هل يمكن أن تأخذني إلى هذا العنوان؟
هل يمكنني الحصول على تذكرة إلى ____ من فضلك؟

I'm sorry sir
I'm lost. Could you help me, please?
Where can I exchange my money?
Where is the nearest ___?
Where can I buy ___?
How much does this cost?
Where can I catch the ___?
Can you take me to this address?
Can I have a ticket to ___, please?

Es tut mir leid, Sir.
Ich habe mich verirrt. Könnten Sie mir bitte helfen?
Wo kann ich mein Geld wechseln?
Wo ist der nächste ___?
Wo kann ich ___ kaufen?
Wie viel kostet das?
Wo kann ich den ___ nehmen?
Könnten Sie mich zu dieser Adresse bringen?
Kann ich bitte ein Ticket nach ___ haben?

申し訳ありません、先生。
道に迷いました。助けていただけますか？
どこでお金を両替できますか？
最寄りの___はどこですか？
___はどこで買えますか？
これはいくらですか？
___に乗るにはどこで乗れますか？
この住所まで連れて行っていただけますか？
___行きのチケットをください。

# KOLUM LENSA JBPU



## JANUARI





### AKTIVITI PEMINDAHAN PERALATAN BILIK ENGLISH PRE-UNIVERSITY PREPARATORY PROGRAMME (EPPP)

*4 JANUARI 2024*

Pada 4 Januari 2024 (Khamis), satu aktiviti kerja pemindahan peralatan telah dijalankan dari Bilik English Pre-University Preparatory Programme (EPPP) ke Bilik Seminar, Pusat Pengajian Jejawi 1. Kerja perpindahan ini telah diketuai oleh En. Jasin Abd Halim dan dibantu Ahli Jawatankuasa perpindahan serta staf Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU).





# FEBRUARI




## SIRI 1 WEBINAR JBPU: TRENDS IN ISLAMIC EDUCATION RESEARCH BASED ON SYSTEMATIC LITERATURE (SLR)

*19 FEBRUARI 2024*

Webinar " Trends in Islamic Education Research Based on Systematic Literature (SLR)" telah berjaya dilaksanakan pada 19 Februari 2024 bermula jam 2.00 hingga 4.30 petang. Seramai 42 peserta telah menyertai webinar tersebut yang dikendalikan oleh moderator En. Ahmad Hifzurrahman Bin Ridzuan, pensyarah dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK, UniMAP. Matlamat utama penganjuran webinar tersebut adalah untuk menggalakkan aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan staf akademik melalui penganjuran webinar. Pengisian program merangkumi ucapan kata alu-aluan oleh Ketua Jabatan JBPU, PM Dr. Shuhairimi Abdullah serta perkongsian ilmu oleh ahli panel jemputan berkaitan trend dalam penyelidikan pendidikan Islam berdasarkan SLR literatur sistematik.








# FEBRUARI





## JAMUAN JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM

*14 FEBRUARI 2024*

Pada 14 Februari 2024, Kelab Kebajikan Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) telah mengadakan jamuan bersama staf bagi menyambut Bulan Ramadan 2024 dan majlis perpisahan pelajar praktikal di JBPU. Majlis dimulakan dengan kata alu-aluan daripada Ketua Jabatan, PM. Dr. Shuhairimi manakala bacaan doa dipimpin oleh En. Aimaan. Sebagai tanda terima kasih kepada staf JBPU yang sentiasa menyokong aktiviti yang dianjurkan, Kelab Kebajikan telah memberikan cenderamata kepada semua staf.





# FEBRUARI




### SESI BERGAMBAR HARI RAYA AIDILFITRI STAF JBPU

*16 FEBRUARI 2024*

Pada 16 Februari 2024, Kelab Kebajikan Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) telah mengadakan sesi bergambar bersama staf JBPU bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024 di Taman Bunga Kertas Tuanku Lailatul Shahreen, Perlis. Sesi bergambar ini telah dibahagikan kepada dua sesi bagi memberi laluan kepada tenaga pengajar yang mempunyai urusan pada tarikh yang ditetapkan.




# MAC




### SIRI 2 WEBINAR JBPU: KESEDARAN MINDA: STRATEGI PENGURUSAN KESEJAHTERAAN MENTAL DI TEMPAT KERJA

*7 MAC 2024*

Webinar " Webinar Kesedaran Minda: Strategi Pengurusan Kesejahteraan Mental di Tempat Kerja telah berjaya dilaksanakan pada 7 Mac 2024 bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Seramai 186 peserta telah menyertai webinar tersebut yang dikendalikan oleh moderator En. Ahmad Hifzurrahman Bin Ridzuan, pensyarah dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK, UniMAP. Matlamat utama penganjuran webinar tersebut adalah untuk menggalakkan aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan staf akademik melalui penganjuran webinar. Program dimulai dengan ucapan kata alu-aluan oleh Wakil Dekan FPK, PM Dr. Ina Suryani Ab Rahim selaku Exco JBPU serta perkongsian ilmu oleh ahli panel jemputan Dr. Mohd Arsad Johanis (Pensyarah Kanan JBPU). Perkongsian webinar merangkumi strategi pengurusan kesejahteraan mental di tempat kerja yang amat penting kepada staf bagi meningkatkan kualiti tugas yang dilaksanakan serta sentiasa berfikiran positif.





# MAC



## MAJLIS PERPISAHAN DR. NAZRA ALIFF NAZRI

*11 MAC 2024*

Satu majlis perpisahan telah diadakan pada 11 Mac 2024 (Isnin) bagi meraikan staf Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Dr. Nazra Aliff Nazri yang telah mendapat tawaran di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Kami daripada pihak JBPU mengucapkan selamat maju jaya!





# MAC






## PENGAGIHAN PEK RAMADAN JBPU

*14 MAC 2024*

Kelab Kebajikan Jabatan Bahasa & Pengajian Umum telah menyediakan pek Ramadan dan mengagihkan kepada 78 orang staf JBPU, termasuk staf unit pentadbiran.





## BENGKEL I-ATTENDANCE

*19 MAC 2024*

Unit Audit & Kualiti Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) telah mengadakan satu bengkel pengisian i-attendance bagi staf yang ingin mempelajari cara-cara menggunakan i-attendance. Penganjuran bengkel telah diketuai oleh Cik Siti Balkis Mohamed Ibrahim.

# MAC




## IHYA RAMADAN: MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM MAKTEH

*25 MAC 2024*

Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama anak-anak Yatim Makteh pada 25 Mac 2024 bertempat di Dewan Rumah Makteh, Kangar. Program ini turut disertai staf Jabatan Bahasa & Pengajian Umum sebagai Ahli Jawatankuasa Tertinggi bagi majlis ini.




## TABUNG KASIH RAMADAN

*31 MAC 2024*

Bersempena Bulan Ramadan, Kelab kebajikan Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) telah membuat kutipan sumbangan sebanyak RM713.00 kepada Pusat Jagaan Rumah Hembusan Kasih yang bertempat di Arau, Perlis. Pusat Jagaan ini dihuni oleh kanak-kanak yang berusia 4 hingga 6 tahun dan terdiri daripada asnaf zakat, anak OKU dan fakir miskin. Maka, kelab kebajikan JBPU telah mengambil inisiatif untuk memberi sumbangan berbentuk barangan keperluan harian. Puan Zuhairah Idrus dan Cik Siti Balkis Mohamed Ibrahim telah menyampaikan barangan keperluan tersebut bagi mewakili ketua jabatan.



# APRIL




## SIRI WEBINAR JBPU: NAVIGATING SECOND LANGUAGE WRITING ANXIETY (SLWA) IN POSTGRADUATE DISSERTATION WRITING

*30 APRIL 2024*

Webinar "Navigating Second Language Writing Anxiety (SLWA) In Postgraduate Dissertation Writing" telah berjaya dilaksanakan pada 30 April 2024 bermula jam 3.00 hingga 5.00 petang. Seramai 75 peserta telah menyertai webinar tersebut yang dikendalikan oleh moderator En. Ahmad Hifzurrahman Bin Ridzuan, pensyarah dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK, UniMAP. Matlamat utama penganjuran webinar tersebut adalah untuk menggalakkan aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan staf akademik melalui penganjuran webinar. Pengisian program merangkumi ucapan kata alu-aluan oleh Wakil Dekan FPK, PM Dr. Wan Salha selaku TD HEPA FPK serta perkongsian ilmu oleh ahli panel jemputan Dr. Wan Safuraa Binti Wan Osman selaku Pensyarah Kanan JBPU yang mengemudi kebimbangan penulisan bahasa kedua dalam penulisan disertasi pascasiswazah.




# MEI




## JAMUAN AIDILFITRI JBPU

*9 MEI 2024*

Sempena menyambut perayaan Aidilfitri, Kelab Kebajikan telah mengadakan Jamuan Aidilfitri JBPU yang telah diadakan di Obsess Kitchen, Kangar. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Dekan FPK dan Timbalan Dekan Akademik.






# MEI




## MALAM PUISI LESTARI ALAM: KELESTARIAN SUNGAI DAN ALAM SEKITAR

*4 MEI 2024*

Pada 4 Mei 2024, telah berlangsungnya Malam Puisi Lestari Alam: Kelestarian Sungai dan Alam Sekitar di Ruang Jamuan Senat, Aras 4 Canselori Tuanku Syed Sirajuddin, UniMAP. Majlis ini merupakan rangkaian kerjasama Persatuan Sahabat Sungai Malaysia (FoRM) bersama-sama Persatuan Penulis Nasional (PENA) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai rakan strategik dalam penganjuran majlis ini. Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK telah diamanahkan untuk menyelaras majlis ini bersama-sama dengan PKBU dan PKK UniMAP. Majlis ini telah dihadiri oleh Naib Canselor UniMAP, Presiden Persatuan Sahabat Sungai Malaysia yang juga merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi.




# MEI







## THE THREE MINUTE THESIS (3MT) COMPETITION 2024 UniMAP

*23 MEI 2024*

Staf JBPU, En.Faharol Zubir telah menyertai pertandingan 'The Three Minute Thesis' (3MT) yang telah diadakan di Auditorium Canselori Tuanku Syed Sirajuddin. Petandingan ini melibatkan peserta dalam kalangan pelajar pascasiswazah program Doktor Falsafah (PhD). En.Faharol telah berjaya memenangi tempat pertama bagi kategori Sains Sosial.

# JUN






## MAJLIS IBADAH KORBAN & AKIKAH 2024

*19 JUN 2024*

Majlis ibadah korban dan akikah UniMAP telah diadakan di Pusat Kokurikulum UniMAP Kubang Gajah. Beberapa Staf JBPU turut menyumbang tenaga dalam majlis ini bagi membantu proses melapah dan agihan daging korban.





## BENGKEL CHATGPT GURU BAHASA

*21 JUN 2024*

Bengkel Chat GPT untuk guru bahasa telah dilaksanakan atas usaha En.Wan Norhaizar Harun selaku Guru Bahasa Kanan untuk membantu guru-guru bahasa membuat penerbitan. Bengkel yang berlangsung selama dua jam ini dibimbing oleh Dr.Faharol Zubir, yang sememangnya pakar dalam bidang Chat GPT.

# JUN




## SIRI WEBINAR JBPU: DARIPADA PIRING HITAM KE TIKTOK: MEMAHAMI BUDAYA POP ANTARA GENERASI

*27 JUN 2024*

Webinar "Daripada Piring Hitam ke TikTok: Memahami Budaya Pop Antara Generasi telah berjaya dilaksanakan pada 27 Jun 2024 bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Seramai 131 peserta telah menyertai webinar tersebut yang dikendalikan oleh moderator En. Ahmad Hifzurrahman Bin Ridzuan, pensyarah dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK, UniMAP. Matlamat utama penganjuran webinar tersebut adalah untuk menggalakkan aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan staf akademik melalui penganjuran webinar. Pengisian program merangkumi ucapan kata alu-aluan oleh Ketua Jabatan JBPU, PM Dr. Shuhairimi Abdullah serta perkongsian ilmu oleh ahli panel jemputan Dr. Siti Norayu Mohd Basir (Pensyarah Kanan JBPU) berserta skop topik perbincangan. Beliau telah menjelaskan bahawa budaya popular adalah cerminan identiti, nilai dan aspirasi masyarakat merangkumi pelbagai aspek seperti muzik, filem, fesyen, media dan trend sosial yang sentiasa berubah mengikut perkembangan zaman dalam setiap era. Budaya popular memainkan peranan penting penting dalam membentuk cara kita berfikir, berinteraksi dan mengekspresikan diri. Seterusnya, memahami budaya popular antara generasi adalah penting kerana budaya popular tersebut membantu dalam melihat bagaimana setiap generasi mengadaptasi dan mentafsirkan budaya mengikut konteks dan pengalaman mereka sendiri.






# JULAI



## SIRI WEBINAR JBPU: DARIPADA PIRING HITAM KE TIKTOK: MEMAHAMI BUDAYA POP ANTARA GENERASI

*27 JUN 2024*

Webinar " Cabaran Pertanian Padi di Kedah dan Perlis: Perspektif Pengembangan Pertanian telah berjaya dilaksanakan pada 31 Julai 2024 bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Seramai 103 peserta telah menyertai webinar tersebut yang dikendalikan oleh moderator En. Ahmad Hifzurrahman Bin Ridzuan, pensyarah dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK, UniMAP. Matlamat utama penganjuran webinar tersebut adalah untuk menggalakkan aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan staf akademik melalui penganjuran webinar. Pengisian program merangkumi ucapan kata alu-aluan oleh Ketua Jabatan JBPU, PM Dr. Shuhairimi Abdullah serta perkongsian ilmu oleh ahli panel jemputan Dr. Ahmad Fahmi Bin Mahamood selaku Pensyarah Kanan Jabatan Komunikasi. Ahli Panel telah membincangkan cabaran pertanian padi di Kedah dan Perlis yang dikupas dari sudut perspektif pengembangan pertanian. Peranan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) penting dalam kemajuan para petani terutamanya dalam mengatasi masalah seperti masalah saliran, penanaman padi dan pembajaan. Panel juga mengupas isu kekurangan penanaman padi yang semakin berkurangan dari tahun ke tahun. Peranan kerajaan juga penting dalam memastikan kelangsungan stok beras negara agar sentiasa mencukupi. Pengeluaran beras dan penanaman padi harus berterusan bagi mengelakkannya daripada terputus atau sukar untuk didapati.



# JULAI



## SIMBOLIK PELEPASAN PESERTA PROGRAM UniMAP KOREAN UNIVERSITY STUDENT MOBALITY PROGRAMME 2.0 (UniKu 2024)

*23 JULAI 2024*

Program UniKU anjuran JBPU telah diadakan pada 5-25 Ogos 2024 di Dong-Eui University (DEU), Busan, Korea Selatan. Maka, pada 23 Julai 2024 telah berlangsungnya majlis simbolik pelepasan peserta program ini yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Canselori UniMAP.






# OGOS




## SIRI WEBINAR JBPU: TRANSFORMING REALITY PRACTICAL APPLICATIONS OF AUGMENTED REALITY TECHNOLOGY

*21 OGOS 2024*

Webinar "Transforming Reality Practical Applications of Augmented Reality Technology" telah berjaya dilaksanakan pada 21 Ogos 2014 bermula jam 3.00 hingga 5.00 petang. Seramai 114 peserta telah menyertai webinar tersebut yang dikendalikan oleh moderator En. Ahmad Hifzurrahman Bin Ridzuan, pensyarah dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK, UniMAP. Matlamat utama penganjuran webinar tersebut adalah untuk menggalakkan aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan staf akademik melalui penganjuran webinar. Pengisian program merangkumi ucapan kata alu-aluan oleh Timbalan Dekan FPK, PM Dr. Wan Sallha Yusoff serta perkongsian ilmu oleh ahli panel jemputan Dr. Adila Nordin iaitu Pensyarah Kanan dari School of Games & Creative Technology University for the Creative Arts, United Kingdom. Ahli Panel telah membincangkan peranan Aplikasi Realiti Teknologi yang menyeronokkan dalam kehidupan seharian. Pengukuhan dan peningkatan pengalaman yang mendalam juga melibatkan deria manusia untuk mensimulasi realiti teknologi tersebut. Aplikasi permainan juga dapat dikongsi semasa webinar berlangsung seperti "Pokemon Go" untuk menarik minat golongan kanak-kanak dalam Aplikasi Realiti Teknologi. Begitu juga peranan Aplikasi Realiti Teknologi dimanfaatkan dalam bidang pengiklanan untuk aksesori perhiasan wanita seperti rantai leher yang berkombinasi dengan pelbagai warna pakaian. Begitu juga , Aplikasi Realiti Teknologi dalam pengembaraan sejarah Kedah -Siam 1821 untuk penerokaan sejarah yang dapat dimanfaatkan kepada semua pihak.






# OGOS





### PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DI SONGSERM WITTAYA SCHOOL, HAT YAI THAILAND.

*24-26 OGOS 2024*

Pada tanggal 24 Ogos 2024, Kelab Kebajikan, Jabatan Bahasa & Pengajian Umum telah menganjurkan satu Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Songserm Wittaya School, Hat Yai Thailand. Seramai 35 pelajar dan 12 orang guru yang telah terlibat dalam program ini. Antara aktiviti yang dijalankan adalah mempromosikan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), terutamanya Fakulti Perniagaan & Komunikasi oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Wan Sallha Yusoff (Timbalan Dekan Akademik) dan pelbagai aktiviti bahasa dijalankan bersama pelajar tingkatan 6. Program ini berjaya dijalankan dan mendapat sambutan yang sangat baik daripada pihak sekolah. Pihak sekolah sangat berharap agar program seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa hadapan.



# SEPTEMBER





### PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DI SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU SYED PUTRA

**7 SEPTEMBER 2024**

Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) telah melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) masyarakat di Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra, Kangar. Program ini menggunakan Permainan Lipur Lara (PLL) bersama murid-murid tingkatan satu. Permainan ini dibina untuk meningkatkan kemahiran berfikiran kritis dan pertuturan bahasa Inggeris menggunakan teknik penceritaan interaktif tanpa menggunakan peranti. Seramai 26 pelajar kelas 1 Itqan menyertai program ini dan dibimbing oleh tiga orang staf JBPU iaitu En. Khairul Hisham, Pn.Yuziana Yasin dan Pn. Nor Shafawati Mohd Zuki.





# OKTOBER




## MALAYSIAN SIMULATION & GAMING CONFERENCE 2024

*22-24 OKTOBER 2024*

En.Khairul Hisham telah dijemput menjadi penceramah jemputan di Malaysian Simulation & Gaming Conference (MASAGA 2024) yang bertempat di Hotel Everly Putrajaya. Tajuk yang telah dibentangkan ialah "Tabletop Roleplaying Games: A Versatile and Untapped Educational Tool."





# NOVEMBER




## SIRI WEBINAR JBPU: THE EVOLVING ROLE OF GOVERNANCE PROFESSIONALS IN A DIGITALIZED AND RAPIDLY CHANGING RISK LANDSCAPE

*28 NOVEMBER 2024*

Webinar "The Evolving Role of Governance Professionals in A Digitalized and Rapidly Changing Risk Landscape" telah berjaya dilaksanakan pada 28 November 2024 bermula jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Seramai 216 peserta telah menyertai webinar tersebut yang dikendalikan oleh moderator En. Ahmad Hifzurrahman Bin Ridzuan, pensyarah dari Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, FPK, UniMAP. Matlamat utama penganjuran webinar tersebut adalah untuk menggalakkan aktiviti perkongsian ilmu dalam kalangan staf akademik melalui penganjuran webinar. Pengisian program merangkumi ucapan kata alu-aluan oleh Timbalan Dekan (Akademik & Penyelidikan), Prof. Madya Ts. Dr. Mohammad Harith bin Amlus, serta perkongsian ilmu oleh ahli panel jemputan PM Dr. Wan Sallha Yusoff selaku Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan & Komunikasi, UniMAP berserta skop topik perbincangan. Ahli Panel telah membincangkan peranan tadbir urus yang profesional dalam perkembangan landskap digital yang berisiko. Pada peringkat awal webinar, ahli panel telah mengupas tadbir urus awam dengan jelas. Ahli panel juga mengupas tentang landskap risiko iaitu jenis risiko yang muncul, risiko keselamatan siber, risiko pematuhan dan risiko operasi. Pemantapan perbincangan juga mengupas isu pengurusan risiko proaktif serta kebolehsuaian dan fleksibiliti.






# NOVEMBER



## HIGHER LEARNING ENGLISH LANGUAGE CARNIVAL (HE-ELCA)

*9 NOVEMBER 2024*

Pada 9 November 2024, University Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah menganjurkan Program ‘Higher Learning English Language Carnival (HELCA). UniMAP telah menghantar tiga penyertaan untuk tiga kategori iaitu, “Mobile Journalism, “Click Create, and Educate” dan Green City Challenge”. Para perserta terdiri daripada pelajar UniMAP yang telah dibimbing oleh tiga orang staf JBPU, iaitu Cik Nur Farhinaa Othman, Encik Azrizal Salleh dan Cik Nabilasha a/p Manokaran. UniMAP berjaya mendapat tempat kedua dalam kategori “Mobile Journalism (MoJo).






# DISEMBER







## JAMUAN AKHIR TAHUN & MAJLIS PERPISAHAN PM DR. ABDUL JALIL RAMLI

*6 DISEMBER 2024*

Kelab Kebajikan telah mengadakan jamuan akhir tahun dan majlis perpisahan PM Dr. Abdul Jalil Ramli. Majlis dimulakan dengan amanat yang diberikan oleh Ketua Jabatan JBPU, PM Dr. Shuhairimi Abdullah dan disusuli dengan ucapan daripada PM Dr. Abdul Jalil.







## SPEAK & SHINE(CSR)

*11 DISEMBER 2024*

SPEAK & SHINE, Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) anjuran Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), FPK, UniMAP telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Dato Ahmad Musa. Seramai 30 orang pelajar darjah 5 dan darjah 6 telah mengambil bahagian dalam program ini. Program yang bertujuan meningkatkan kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris ini telah dijayakan oleh Dr Nazifah binti Hamidun, Encik Muhammad Nazif Aimaan bin Othman, Cik Nur Farhinaa binti Othman dan Cik Faten Khalida binti Khalid.




JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM
FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS